

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2024

HARI RABU : 13 MAC 2024

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 1, 11 HINGGA NO. 78)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW YU HUI [RAUB]

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN CHOW YU HUI [RAUB] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan hala tuju dan garis masa Kerajaan dalam mewujudkan Akta Perkhidmatan Parlimen bagi menunjukkan komitmen Kerajaan untuk menjamin kebebasan dan autonomi Parlimen.

TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah yang telah dilakukan oleh Kerajaan dalam memastikan Parlimen bebas daripada kuasa eksekutif menerusi reformasi Parlimen bagi memperkukuh demokrasi berperlembagaan di negara ini.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Saya akan menjawab soalan yang dibangkitkan oleh YB Raub dan YB Marang (Soalan No. 64) secara bersesekali. Kerajaan MADANI yang dipimpin oleh YAB Perdana Menteri ke-10 dan ahli-ahli Jemaah Menteri komited dan telah bersetuju secara prinsip bagi **meminda Perlembagaan Persekutuan** dan menggubal **Akta Perkhidmatan Parlimen** yang baharu, antara lain bagi memberikan **kuasa autonomi pentadbiran dan kewangan kepada Parlimen** serta **mewujudkan Majlis Perkhidmatan Parlimen** bagi mengendalikan semua urusan pentadbiran Parlimen Malaysia di bawah skim perkhidmatan yang baharu.

2. Langkah reformasi ini adalah selaras dengan matlamat Kerajaan MADANI ke arah **memartabatkan doktrin pengasingan kuasa** antara badan perundangan dengan badan eksekutif, dan akan terus **memperkasakan semangat perlembagaan** dengan izin, **constitutionalism**.

3. Bagi merealisasikan usaha reformasi ini, beberapa sesi libat urus yang berkesan, dengan izin, **meaningful engagements** telah diadakan pada tahun 2023 dan 2024 dengan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Setiausaha Dewan Negara, Setiausaha Dewan Rakyat, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Kewangan (MOF), Jabatan Peguam Negara (AGC) serta Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) bagi **memuktamadkan ketetapan dasar** berkenaan dengan perkara ini.

4. Berikutan maklum balas yang diterima daripada JPA dan MOF, pihak BHEUU, JPM telah mengambil inisiatif untuk mengadakan satu mesyuarat penyelarasan pada bulan Februari 2024 bersama SPA, JPA,

MOF dan AGC bagi meneliti **aspek saraan dan pencen** bagi pegawai-pegawai di bawah Skim Perkhidmatan Parlimen, bagi **memastikan hak dan kebajikan mereka terjaga**.

5. Memorandum Jemaah Menteri yang lebih komprehensif **sedang disediakan** oleh BHEUU, JPM bagi memastikan Kerajaan MADANI dapat membentangkan cadangan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan serta Akta Perkhidmatan Parlimen yang baharu dalam **masa yang terdekat ini**.

6. Usaha pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan dan penggubalan Akta Perkhidmatan Parlimen yang baharu ini yang akan dibentangkan tidak lama lagi **merupakan prioriti Kerajaan MADANI** bagi terus **meningkatkan imej dan peranan Parlimen** sebagai institusi perundangan tertinggi dalam negara serta meningkatkan **keyakinan rakyat Malaysia mengenai integriti Parlimen** dalam menjalankan tanggungjawabnya selaras dengan Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MANNDZRI BIN NASIB [TENGGARA]

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

YB TUAN MANNDZRI BIN NASIB [TENGGARA] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan konkrit yang diambil oleh Kementerian bersama dengan pihak berkuasa tempatan serta agensi yang bertanggungjawab dalam memperkukuh penguatkuasaan operasi tangkapan haiwan ternakan terbiar bagi menyelesaikan isu ternakan berkeliaran sehingga mengundang risiko kepada pengguna jalan raya sehingga mengakibatkan kematian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Seksyen 73(1)(m) di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] telah memperuntukkan kuasa kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mengadakan Undang-Undang Kecil (UUK) bagi melarang, mengatur, memeriksa, menyelia dan melesen penternakan dan untuk menyita, memusnahkan dan melupuskan binatang, burung atau ikan dalam kawasan PBT. Buat masa ini, PBT mengambil tindakan ke atas aduan yang diterima berkaitan haiwan ternakan terbiar berdasarkan Undang-Undang Kecil Haiwan Merayau/ Berkeliaran yang ditetapkan bagi kawasan operasi dan pentadbiran masing-masing.

PBT sentiasa melaksanakan tindakan kawalan dari semasa ke semasa bagi mengekang isu kacau ganggu haiwan ternakan terbiar daripada terus berleluasa seperti berikut:

- i. menjalankan pemantauan dan operasi penangkapan haiwan ternakan terbiar/ merayau/ berkeliaran bersama-sama Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Operasi bersepadu ini dijalankan secara berkala untuk mengurangkan risiko gangguan dan keselamatan kepada pengguna jalan raya serta tangkapan akan terus dilaksanakan di kawasan operasi;
- ii. menyita haiwan ternakan yang berkeliaran dan membuat lelongan awam sekiranya haiwan ternakan tersebut tidak dituntut oleh pemilik. Dalam konteks ini, pemilik haiwan akan diberi tempoh masa selama tujuh (7) hari untuk menuntut haiwan tersebut dan menjelaskan jumlah bayaran kompaun dan kos simpanan yang telah ditetapkan oleh PBT;
- iii. mengadakan perjumpaan/ sesi dialog bersama penternak yang dikenal pasti membiarkan haiwan ternakan mereka berkeliaran tanpa kawalan untuk menasihati mereka supaya mengurung atau menempatkan ternakan mereka di lokasi

SOALAN NO : 11

sewajarnya agar binatang ternakan tersebut tidak mengganggu ketenteraman awam atau mengancam keselamatan pengguna jalan raya sehingga menyebabkan kemalangan; dan

- iv. menjalankan tindakan penguatkuasaan bersepadu dengan JPV ke atas pemilik haiwan ternakan yang didapati melanggar peruntukan Undang-Undang Kecil PBT atau Peraturan JPV di kawasan pentadbiran PBT.

Untuk makluman, sebanyak 10,781 aduan telah diterima oleh PBT dalam tahun 2023 melibatkan haiwan ternakan berkeliaran. Sebanyak 6,548 ekor ternakan berkeliaran berjaya ditangkap melalui 1,520 operasi bersepadu yang dilaksanakan bersama-sama dengan JPV dan PDRM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN
[SIK]**

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan status menyahklasifikasikan dokumen perjanjian persempadanan maritim Malaysia-Indonesia dikenali sebagai Triti Laut Sulawesi, yang ditandatangani kedua-dua negara pada 8 Jun 2023.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Sik** atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, isu persempadanan maritim adalah isu yang sensitif kepada mana-mana negara kerana ia berkaitan dengan kepentingan dan kedaulatan.

3. Dalam masa yang sama, kita juga perlu menghormati dan memelihara hubungan diplomatik yang baik bagi menjamin keselamatan, keamanan, kestabilan dan kemakmuran ekonomi khususnya dengan negara jiran di peringkat serantau dan antarabangsa secara amnya.

4. Saya mengambil maklum bahawa pelbagai pihak telah memohon agar Kerajaan mendedahkan atau menyahklasifikasikan perjanjian

SOALAN NO : 12

sempadan maritim Malaysia-Indonesia yang ditandatangani pada 8 Jun 2023 yang lalu.

5. Sekali lagi, seperti yang pernah dijelaskan semasa sidang Parlimen yang lepas, disebabkan oleh proses ratifikasi yang berbeza oleh kedua-dua buah negara, dokumen-dokumen tersebut masih belum boleh dikongsi kepada umum. Bagi Malaysia, proses ratifikasi tersebut merupakan proses badan eksekutif iaitu melalui Jemaah Menteri.

6. Dalam hal ini, Malaysia harus menghormati amalan antarabangsa dan proses perundangan sesebuah negara. Ia merupakan prinsip asas yang penting dalam memelihara hubungan diplomatik. Berdasarkan amalan antarabangsa, hanya setelah kedua-dua negara menyempurnakan proses ratifikasi berdasarkan undang-undang domestik masing-masing, barulah dokumen-dokumen tersebut boleh dihebah kepada umum.

7. Oleh yang demikian, Kerajaan berpandangan bahawa sikap saling menghormati ini amat penting dalam usaha negara untuk menjaga hubungan diplomatik yang baik dengan negara-negara lain, khususnya negara-negara jiran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN
(SRI GADING)**

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN (SRI GADING) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha yang telah dilakukan oleh JAKIM dalam memastikan pendakwah memahamkan masyarakat tentang perpaduan dan Malaysia Madani ini sepanjang tahun 2023.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pihak kerajaan sentiasa memantau pengajaran agama Islam samada melalui ceramah dan kelas-kelas pengajian di tempat-tempat awam seperti di masjid dan surau-surau juga di media sosial agar ia dapat memupuk semangat perpaduan dan tidak menyimpang daripada ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah.

2. Hakikatnya, para pendakwah yang sentiasa menyampaikan ilmu pengetahuan kepada masyarakat adalah berperanan dalam mengelakkan berlakunya perpecahan dalam masyarakat Islam di Malaysia. Bagi menangani isu yang sedemikian, Jabatan Mufti seluruh Malaysia mensyaratkan agar permohonan tauliah mengajar dibuat bagi mengawal individu-individu dari dalam dan luar negara yang tidak berkelayakan dari menyampaikan pengajaran di premis-premis yang dibenarkan. Tindakan ini

NO. SOALAN: 13

dilaksanakan agar semua pendakwah memberikan pengajaran bertepatan dengan fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah dan mengajak kepada perpaduan.

3. Sekiranya didapati pendakwah tersebut menimbulkan isu-isu yang mengelirukan masyarakat dan memecahbelahkan perpaduan, beliau akan dipanggil untuk diberi peringatan oleh Jabatan Mufti. Seterusnya, pihak berkuasa agama boleh mengambil tindakan terhadap pendakwah tersebut dengan menarik semula tauliah mengajar sekiranya gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan.

4. Bagi memantapkan lagi peranan pendakwah di Malaysia, sebagai fasa permulaannya, JAKIM telah melantik seramai 250 pendakwah terpilih untuk menyertai Du'at Al-Falah iaitu sebuah gabungan pendakwah daripada kalangan ahli ilmuwan, golongan profesional dan para asatizah yang berperanan membimbing kefahaman masyarakat berpandukan enam teras MADANI iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan. Jumlah pendakwah terlatih akan terus ditambah pada fasa-fasa seterusnya. Du'at Al-Falah ini berperanan mewujudkan ejen dakwah yang membawa pendekatan sederhana (wasatiy) dan pemikiran bertamadun (madaniyyah) dalam proses perubahan (islah) dan menegakkan keadilan sosial di Malaysia. Du'at Al-Falah ini dipilih daripada kalangan pendakwah mengikut kategori iaitu Du'at Komuniti, Du'at Akademia dan Du'at Belia.

5. Dalam konteks komunikasi Islam yang mempunyai ruang lingkup yang lebih luas tentang media, JAKIM juga telah menerbitkan Garis Panduan Hiburan dan Garis Panduan Penapisan Bahan Penerbitan Berunsur Islam bagi memberi panduan kepada masyarakat dan individu yang terlibat dalam penyampaian kandungan-kandungan berkaitan agama dalam bentuk digital.

6. JAKIM telah menerbitkan buku terjemahan berjudul Adab Perbezaan Pendapat Dalam Islam dan telah dilancarkan pada 4 Julai 2023 oleh YAB Perdana Menteri. Bagi meneruskan kesinambungan penghayatan buku ini, JAKIM telah melaksanakan Program Training of Trainers (ToT) Jurucakap Buku ini terdiri daripada pegawai yang telah dipilih oleh agensi Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Pegawai JAKIM dan Kader JAKIM di Kementerian. Bengkel TOT kepada penceramah juga dijalankan Bersama rakan strategik iaitu International Institute of Islamic Thought (IIIT), Institut

NO. SOALAN: 13

Darul Ehsan (IDE), Persatuan Ikatan Ilmuan Islam Mengenai Dasar dan Tadbir Urus (IITQAN) dan Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia (YADIM).

7. Sepanjang 2023 YADIM telah melaksanakan sebanyak 193 program melibatkan 53,590 orang peserta. Bentuk program yang dilaksanakan adalah seperti Seminar Kenegaraan Madani, Bicara Keluarga Madani, Program Sebati Madani, Program Bual Bicara, Program Aspirasi Belia Madani dan Kembara Madani YADIM. YADIM menganjurkan Seminar Kenegaraan MADANI dengan tiga tajuk penting pengisian iaitu; Islam Dalam Perlembagaan Persekutuan, Adab Berbeza Pendapat dan 6 Tonggak dan Nilai MADANI.

8. Selain program bersifat seminar, program berbentuk kemasyarakatan juga disusun bagi menterjemah 6 Nilai MADANI dalam bentuk amalan. Program Sehari Bersama Komuniti (SEBATI MADANI) misalnya menekankan pelaksanaan nilai HORMAT, IHSAN, YAKIN, DAYA CIPTA, KESEJAHTERAAN dan KEMAMPANAN melalui aktiviti bersama masyarakat setempat. Dalam tahun 2023 sebanyak 15 program SEBATI MADANI dijalankan di 15 lokasi melibatkan 4,015 peserta.

9. JAKIM juga telah menubuhkan Sekretariat Madani sebagai sebuah task force dan fungsinya dijalankan oleh Bahagian Maqasid Syariah JAKIM. Fungsi task force ini adalah untuk Menyelaras pelaksanaan inisiatif agenda Malaysia Madani; Menyelaras modul dan dokumen rujukan pelaksanaan agenda Malaysia Madani.

10. JAKIM telah menerbitkan teks khutbah Jumaat bagi memahamkan masyarakat tentang gagasan Malaysia Madani. Objektif melahirkan masyarakat madani membolehkan setiap rakyat mencapai kesejahteraan dan kebahagiaan dan bahawa pembangunan itu bukan semata-mata terlihat dengan kerangka projek pembinaan yang boleh dilihat dengan mata kasar, tetapi dengan kemakmuran dan kesejahteraan rakyatnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN
BIN ABAS [MERSING]**

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN BIN ABAS [MERSING] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian dalam menangani video-video atau berita palsu yang diolah menggunakan teknologi AI yang semakin berleluasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penyebaran maklumat tidak benar dan peningkatan berita palsu di platform media sosial merupakan satu perkara perlu ditangani dengan serius. Dengan peningkatan kandungan yang dijana oleh teknologi *Artificial Intelligence* (AI) atau Kecerdasan Buatan, terdapat potensi untuk penyebaran kandungan manipulatif dan palsu dengan lebih cepat jika tidak dikawal.

Perundangan sedia ada seperti Seksyen 505 Kanun Keseksaan [Akta 574] dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] diguna pakai untuk menguatkuasakan undang-undang terhadap pihak yang tidak bertanggungjawab dalam menyebarkan maklumat palsu.

Kementerian Komunikasi melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sentiasa mengambil tindakan proaktif memantau isu-isu yang diperkatakan dalam persekitaran media sosial di Malaysia, mencakupi isu-isu yang melibatkan kepentingan awam, jenayah, salah guna, ancaman, provokasi dan sebagainya. Kerjasama dengan platform media sosial dan agensi penguatkuasa lain juga giat dijalankan dalam menangani penyebaran maklumat palsu.

Hasilnya, dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 1 Mac 2024, sebanyak 6,492 penurunan kandungan telah dilaksanakan oleh penyedia platform. Perlu ditegaskan di sini bahawa penurunan yang dilakukan adalah tertakluk kepada pertimbangan oleh penyedia platform itu sendiri berdasarkan penilaian mengikut standard komuniti yang telah ditetapkan.

MCMC dengan kerjasama Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah menubuhkan satu Pasukan Petugas Siasatan bagi memastikan siasatan kes yang membabitkan penyebaran maklumat palsu dilaksanakan dengan segera dan kertas siasatan dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara untuk keputusan akhir.

SOALAN NO: 14

Selain itu, MCMC juga melaksanakan langkah advokasi dan kesedaran untuk mendidik masyarakat mengenai bahaya penyebaran maklumat palsu dengan:

- (i) menilai kesahihan sesuatu berita dengan menyemak fakta dengan sumber yang rasmi melalui Portal Sebenarnya.my;
- (ii) mengadakan kempen kesedaran di seluruh negara melalui program Klik Dengan Bijak (KDB); dan
- (iii) mempertingkatkan program-program di bawah Sukarelawan ICT Malaysia [*Malaysia ICT Volunteer (MIV)*].

Perkongsian ini menyasarkan semua golongan pengguna internet di mana mereka didedahkan dengan topik berita palsu, cara untuk mengesahkan sesuatu maklumat serta undang-undang yang berkaitan bagi meningkatkan kesedaran mereka tentang bahaya penyebaran berita palsu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI
(LUBOK ANTU)**

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI [LUBOK ANTU] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah inisiatif bagi memantapkan lagi sukan muay thai di Malaysia yang telah banyak melahirkan bakat-bakat baru yang berjaya memenangi kejuaraan di peringkat antarabangsa serta sumbangan dan bantuan daripada Kementerian bagi membantu kelab-kelab muay thai tempatan yang kebanyakannya menggunakan dana mereka sendiri untuk ke pertandingan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian melalui Majlis Sukan Negara sentiasa menjalinkan kerjasama dan memberikan sokongan kepada Persatuan Muay Thai Malaysia dalam membangunkan sukan ini secara berterusan.

Kementerian turut memberikan dukungan dalam aspek persediaan untuk atlet Muay Thai menghadapi cabaran di temasya utama seperti Sukan SEA dan Sukan Asia termasuk pendedahan latihan luar negara mengikut garis panduan ditetapkan. Selain itu, atlet Muay Thai turut diberikan peluang untuk menerima geran penyertaan kejohanan khususnya di luar negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, atlet Muay Thai yang melihatkan prestasi dan pencapaian memberangsangkan khususnya di temasya sukan utama serta memenuhi kriteria ditetapkan, berpeluang untuk menjadi atlet di dalam program berfasa MSN. Kementerian turut memasukkan sukan Muay Thai dalam senarai sukan di bawah Skim Hadiah Kemenangan Sukan (SHAKAM), di mana atlet yang memenangi pingat di Kejohanan Muay Thai Dunia IFMA layak menerima insentif daripada berkenaan.

Bagi memastikan perkembangan sukan Muay Thai terus diperkukuh, sepanjang tahun 2023, Kementerian ini telah memberikan bantuan masing-masing berjumlah RM338 ribu melalui Dana Sukan Komuniti (DSK) kepada 11 persatuan dan RM692 ribu melalui Geran Padanan Sukan (GPS) melibatkan 11 persatuan bagi tujuan penganjuran pertandingan Muay Thai di negara ini.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN
[JERANTUT]**

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN [JERANTUT] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mempertimbangkan rungutan pekerja gig berkenaan tambang atau upah minimum kepada perkhidmatan *e-Hailing* dan *p-Hailing*.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kadar bayaran tambang dan upah bagi perkhidmatan *e-hailing* dan *p-hailing* pada masa ini tidak dikawal selia oleh Kerajaan kerana konsep perkhidmatan tersebut jatuh di bawah sektor gig ekonomi yang fleksibel dan kaedah bagi menetapkan kadar tambang dan upah yang diperolehi adalah ditentukan oleh syarikat-syarikat penyedia perkhidmatan *E-Hailing* Operator (EHO) dan *P-Hailing* Operator (PHO) berdasarkan model perniagaan masing-masing.

2. Pada dasarnya, mekanisme bagi menentukan kadar tambang dan upah tersebut adalah secara dinamik dan boleh berubah mengikut komponen pembolehubah seperti kesesakan trafik, cuaca, jarak, masa, jumlah permintaan dan jumlah penawaran yang ditetapkan di peringkat aliran pasaran.

3. Namun, untuk makluman Yang Berhormat, susulan kelulusan pewartaan pindaan Akta 715 (Pindaan 2023) pada 16 Jun 2023 dan tarikh kuatkuasa Akta tersebut pada 15 Oktober 2023 yang lalu, Kementerian ini sedang merangka dan membangunkan peraturan dan syarat pengawalseliaan perkhidmatan *p-hailing* bagi tujuan untuk memastikan pelaksanaan perkhidmatan *p-hailing* ini kelak dilaksanakan dengan mengambil kira kepentingan semua pihak yang terlibat termasuklah syarikat-syarikat penyedia dan rakan penghantar perkhidmatan *p-hailing*. Dalam perkembangan yang sama, Kementerian juga sering mengadakan beberapa siri sesi libat urus bersama pemain industri *e-hailing* bagi tujuan penambahbaikan ke atas pengawalseliaan sektor perkhidmatan *e-hailing* tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN HONG PIN [BAKRI]

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

YB TUAN TAN HONG PIN [BAKRI] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan garis masa (timeline) Kementerian akan membentangkan RUU Akta Sewaan Kediaman (RTA) untuk melindungi kepentingan penyewa dan tuan rumah, selepas dua tahun proses libat urus. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan jumlah rumah yang boleh disewa dalam pasaran supaya dapat menstabilkan harga sewaan pasaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Akta Sewaan Kediaman (*Residential Tenancy Act*, RTA) digubal bagi **melindungi kepentingan serta hak penyewa dan pemilik kediaman**, yang ketika ini hanya dilindungi melalui Akta Kontrak 1950 [Akta 136] yang bersifat umum dan tidak komprehensif. Cadangan penggubalan RTA telah pun **dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 23 Jun 2021** dan telah **mendapat kelulusan prinsip** untuk penggubalan Rang Undang-undang (RUU) RTA.

Bagi tujuan penggubalan RUU RTA ini, KPKT akan **meneruskan sesi libat urus ini bersama kerajaan negeri** bagi memuktamadkan draf RUU ini khususnya dari aspek pelaksanaan dan pentadbiran Akta. Maklum balas dan pandangan yang diterima hasil libat urus akan diambil kira dalam menambah baik draf RUU ini agar kepentingan semua pihak terpelihara dan diberikan perhatian sewajarnya.

Penggubalan RUU RTA ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan bagi menggalakkan **sewaan kediaman sebagai alternatif kepada pemilikan rumah** seperti yang diumumkan melalui Kajian Separuh Penggal (KSP), Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Ia juga adalah selari dengan saranan Bank Negara Malaysia bahawa Kerajaan perlu **menambah baik sektor sewaan melalui pengukuhan aspek perundangan**. RUU RTA ini dilihat mampu merancang sektor sewaan dengan **mengimbangkan hak-hak dan kewajipan pemilik kediaman dan penyewa tanpa melibatkan elemen kawalan terhadap kadar sewaan**. Ia turut menyediakan **penyelesaian pertikaian yang murah dan efisien** kepada pihak-pihak yang terlibat dalam pertikaian.

Melalui penggubalan RUU RTA ini kelak, adalah diharapkan dapat memudahcara industri sewaan kediaman agar lebih kompetitif, dengan tadbir urus yang lebih baik tanpa menjejaskan hak dan kepentingan pihak-pihak yang terlibat dalam aktiviti sewaan kediaman ini. Di samping itu, Kerajaan akan meneruskan inisiatif dalam penyediaan Rumah Mampu Milik (RMM) yang berdaya huni dan berkualiti di bawah RMKe-12. Sejumlah 500 ribu unit RMM disasarkan pembinaan dalam tempoh RMKe-12 bagi meningkatkan peluang rakyat B40 dan M40 memiliki rumah.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' KHLIR BIN MOHD NOR (KETEREH)

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' KHLIR BIN MOHD NOR [KETEREH] minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan kemajuan pembinaan Kapal Tempur Pesisir (LCS) oleh Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd (BNS) memandangkan perkara ini sangat penting kerana banyak wang rakyat telah diselewengkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab bagi membina kapal-kapal tersebut yang mana sehingga kini masih belum disiapkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pertahanan sememangnya memberi tumpuan sepenuhnya dalam melangkah ke hadapan bagi memastikan projek pembinaan Kapal Tempur Pesisir (LCS) ini dapat disiapkan mengikut jadual seperti yang termaktub dalam kontrak tambahan ke-6 yang telah ditandatangani pada 26 Mei 2023.
2. Pada masa ini, sambungan semula kerja-kerja pembinaan telah dijalankan mulai tarikh kontrak tambahan ke-6 ditandatangani iaitu pada 26 Mei 2023. Status kemajuan semasa bagi keseluruhan projek LCS yang merangkumi elemen rekabentuk, pembinaan, peralatan serta ujian yang berakhir pada Januari 2024 adalah sebanyak 67.57%.
3. Sehubungan dengan ini, kapal LCS pertama dijangka akan bersedia pada penghujung tahun 2024 untuk menjalani ujian seperti *Harbour Acceptance Test* (HAT) dan *Sea Acceptance Trial* (SAT) oleh pihak Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM). Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI PANGLIMA MADIUS
BIN TANGAU
[TUARAN]
TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA MADIUS BIN TANGAU [TUARAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan Madani bercadang untuk mengembalikan Labuan kepada Kerajaan Sabah memandangkan keperluan asas Labuan seperti bekalan air, bekalan elektrik dan penjana utama ekonomi Labuan iaitu Asian Supply Base (ASB) adalah di bawah tatakelola Kerajaan Sabah.

JAWAPAN

**YB DR ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak Labuan menjadi Wilayah Persekutuan pada tahun 1984, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan pelan pembangunan bagi meningkatkan kemajuan Wilayah Persekutuan Labuan secara berkala. Sesuai dengan tema Sambutan 50 Tahun Wilayah Persekutuan “Wilayah MADANI, Rakyat Harmoni”, Kerajaan Persekutuan pada masa ini telah memberi tumpuan khusus kepada Wilayah Persekutuan Labuan melalui inisiatif pembangunan dengan memberi fokus untuk menyelesaikan isu infrastruktur dan utiliti terlebih dahulu.
2. Walaupun sumber air utama Labuan dibekalkan daripada Sabah melalui Loji Rawatan Air Lawa Gadong, Beaufort, tetapi pengurusan bekalan air adalah di bawah kawal selia Bahagian Bekalan Air Labuan, yang merupakan sebuah jabatan Persekutuan. Manakala bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan bekalan air, Kerajaan Persekutuan sedang menangani empat (4) isu utama pembekalan, iaitu dari segi pengurangan gangguan bekalan, baik pulih aset usang, sistem penyimpanan dan sumber bekalan air mentah. Bagi menangani isu-isu tersebut, pada masa ini terdapat sebanyak 13 projek bekalan air dengan keseluruhan kos sebanyak RM366 juta sedang dan akan dilaksanakan dengan jumlah peruntukan tahun ini sebanyak RM55 juta. Usaha ini turut disokong oleh pengumuman di dalam Bajet 2024 oleh YAB Perdana Menteri bagi menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM300 juta untuk menyelesaikan isu jangka pendek dan jangka panjang bekalan air di Wilayah Persekutuan Labuan.
3. Dari segi bekalan elektrik, pada masa ini pengambilalihan kawal selia ke atas bekalan elektrik sedang dilaksanakan dalam tempoh tujuh (7) tahun oleh Kerajaan Sabah, yang mana operasi bekalan elektrik di

Labuan masih kekal disediakan oleh *Sabah Electricity Sdn. Bhd.* (SESB). Walau bagaimanapun, bagi mengukuhkan sistem bekalan elektrik di Labuan, Kerajaan Persekutuan memberi komitmen sepenuhnya terhadap cadangan pembinaan stesen janakuasa baharu oleh Petronas Gas Berhad yang mempunyai kapasiti penjanaan bekalan elektrik yang dianggarkan sehingga 135 Megawatt untuk menyediakan bekalan yang lebih stabil dan mampu menampung keperluan jangka panjang untuk pembangunan Wilayah Persekutuan Labuan yang berterusan.

4. *Syarikat Asian Supply Base Sdn. Bhd.* merupakan cabang pelaburan Kerajaan Sabah yang memainkan peranan penting dalam perkembangan kawasan perindustrian di Labuan. Hasrat syarikat tersebut untuk meluaskan kawasan operasi, berbanding keluasan sedia ada sebanyak 345 ekar, turut dilihat akan memberi impak positif kepada ruang pelaburan serta keperluan infrastruktur pada masa depan di Labuan. Pada ketika ini, sumber ekonomi utama Labuan dipacu oleh sektor perkhidmatan yang menyumbang 78.5 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Dalam sektor perkhidmatan di Labuan, terdapat beberapa pemain industri yang menjadi penyumbang, misalnya perkhidmatan kewangan melalui Pihak Berkuasa Perkhidmatan Kewangan, atau perkhidmatan industri berkaitan minyak dan gas seperti Petronas Methanol Sdn. Bhd. serta lain-lain syarikat multinasional dan antarabangsa yang berada di Wilayah Persekutuan Labuan termasuklah syarikat *Asian Supply Base*.
5. Susulan daripada lawatan YAB Perdana Menteri ke Wilayah Persekutuan Labuan pada 7 Disember 2023, sebanyak 113 aktiviti dan program telah diatur oleh pelbagai kementerian dan jabatan sepanjang tahun 2024 bagi merancakkan ekonomi di pulau bebas cukai itu. Hasilnya, Labuan tidak lagi lesu. Jumlah penumpang yang mendarat di lapangan terbang dan juga kadar penghunian hotel di Labuan semakin meningkat. Kegiatan komersial juga menerima limpahan daripada peningkatan jumlah pengunjung.
6. Wilayah Persekutuan tidak akan lengkap tanpa Labuan. Setiap Wilayah Persekutuan mempunyai peranannya yang tersendiri dalam membentuk negara kita Malaysia. Wilayah Persekutuan Kuala

NO SOALAN :19

Lumpur, Putrajaya, dan Labuan berkongsi satu (1) semangat, satu (1) matlamat. Kebersamaan ini bukan hanya sekadar bualan, tetapi adalah tunjang kepada kejayaan Wilayah Persekutuan secara kolektif. Penggunaan tanda pagar atau *hashtag* #WilayahPersekutuanKita di media sosial juga menyuburkan penyatuan warga ketiga-tiga Wilayah Persekutuan. Sebarang cadangan untuk menyerahkan Labuan kepada mana-mana pihak sepatutnya tidak berbangkit. Sungguhpun demikian, dengan kedudukan Labuan yang hampir dengan negeri Sabah, adalah diharapkan pembangunan Labuan akan seiring dan saling bergantung antara satu sama lain, merangkumi aspek sosial, kerjasama ekonomi dan rangkaian perhubungan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,
PERSIDANGAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ROSOL BIN WAHID
[HULU TERENGGANU]**

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' ROSOL BIN WAHID [HULU TERENGGANU] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan tindakan proaktif Kementerian untuk mempergiat Kempen Beli Barangan Malaysia bagi memperkasa produk tempatan dalam industri peruncitan, terutama dengan gerakan boikot barangan import tertentu oleh masyarakat susulan kekejaman penindasan rejim Zionis terhadap Palestin sejak Oktober 2023. Mohon Kementerian turut menyatakan jumlah perniagaan yang terjejas atau ditutup susulan gerakan boikot ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) yang telah dijenamakan semula pada tahun 2009 adalah bertujuan untuk memperkukuhkan perbelanjaan domestik dengan menggalakkan para pengguna di negara ini membeli dan menggunakan produk, barangan dan perkhidmatan di Malaysia. Program ini terus-menerus dilaksanakan pada tahun 2009 hingga kini sebagai usaha Kementerian untuk menggalakkan penggunaan barangan tempatan seterusnya memperkasakan produk barangan Malaysia.

Oleh itu, Kementerian telah melaksanakan enam (6) inisiatif bagi memperkasakan Kempen Beli Barangan (KBBM) pada tahun 2023 dalam usaha memperkenalkan produk keluaran Malaysia dalam kalangan rakyat Malaysia seperti inisiatif-inisiatif berikut:-

- 1) Pemerksaan Produk Tempatan Di Dalam Industri Peruncitan Tempatan;
- 2) Penembusan Promosi Jualan Dan Pemasaran Dalam Talian (*Marketplace*);
- 3) Pelan Media Bersasar;
- 4) Kolaborasi Strategik Media Animasi Digital;
- 5) Jualan Bertema Kbbm Berdasarkan Segmen Khusus;dan
- 6) Karnival Barangan Malaysia 2023

Antara cabaran yang dihadapi oleh Pengusaha Mikro, Kecil Dan Sederhana (PMKS) adalah akses kepada peruncitan atau *access to retail*. Oleh yang demikian, KPDN melaksanakan Program *Access to Retail* bagi membantu usahawan-usahawan PMKS untuk menembusi sektor peruncitan khususnya pasaran pasar raya besar asing dan tempatan. Inisiatif penembusan produk PMKS ke sektor peruncitan merangkumi beberapa program utama seperti transformasi pembungkusan produk, food sampling and merchandising serta aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan promosi dan pemasaran produk.

KPDN juga telah melaksanakan Program Padanan Perniagaan dari tahun 2009 bertujuan untuk mempertemukan usahawan PMKS tempatan dengan pasar raya tempatan dan asing, para pemborong, peruncit dan peniaga di Malaysia. Objektif utama program ini adalah untuk membuka peluang pemasaran kepada produk-produk PMKS untuk disenarai tetap di dalam pasar raya. Konsep pelaksanaan program ini adalah terbuka kepada usahawan PMKS yang mana pembeli dari setiap pasar raya akan hadir ke program ini untuk membuat pemilihan dan penilaian produk-produk yang dipamerkan oleh PMKS yang terlibat. Pihak Kementerian juga bekerjasama dengan penyedia perkhidmatan lain seperti *marketplace* dan penyedia perkhidmatan uji rasa & perkhidmatan pengawal barangan runcit (*food sampling & merchandising*) untuk melihat kebarangkalian pasaran langsung bagi produk-produk PMKS.

Selaras dengan nilai sektor e-dagang Malaysia yang bernilai RM1.2 trillion pada tahun 2023, KBBM juga telah memaksimumkan penggunaan platform perniagaan atas talian (*marketplace*) utama di negara ini seperti Shopee, Lazada, PG Mall, Prestomall dan lain-lain. Melalui pemasaran secara atas talian dalam kempen KBBM ini, pihak *marketplace* ini akan membantu usahawan untuk memasarkan produk-produk mereka secara terus kepada pengguna di seluruh negara tanpa melalui perantara atau orang tengah dalam sebarang transaksi jualan. Kaedah ini adalah lebih mudah dan terbukti mendatangkan keuntungan yang lebih kepada para usahawan.

Dalam usaha meningkatkan keupayaan pengusaha, KPDN juga melaksanakan Program Latihan Pembangunan Perniagaan yang menumpukan kepada peningkatan kemahiran serta pertumbuhan perniagaan (*upscaling skills and business growth for existing SMEs*) di bawah bimbingan KPDN. Selaras dengan usaha untuk membantu perkembangan pengusaha, KPDN akan terus membimbing dan memberi khidmat nasihat terutamanya kepada pemain industri PMKS ini agar sentiasa menitikberatkan soal kualiti, penggunaan teknologi digital dalam mengurangkan kos, pembungkusan dan pemasaran ke atas produk-produk yang dihasilkan agar lebih berdaya saing berdiri sama tinggi duduk sama rendah dengan produk-produk luar negara.

Umum mengetahui, krisis kemanusiaan di Palestin yang semakin meruncing bermula sejak awal Oktober 2023 dilihat telah mula membangkitkan solidariti masyarakat dunia termasuk rakyat Malaysia untuk membantah tindakan rejim Zionis dengan tidak lagi membeli produk pro-Israel dan mula beralih ke produk keluaran tempatan.

Kementerian berperanan menjaga kepentingan pemegang taruh yang terdiri daripada usahawan tempatan khususnya pengeluar produk buatan Malaysia. Oleh itu, pengeluar Malaysia boleh memanfaatkan situasi ini bagi mempromosikan produk mereka menerusi pelbagai platform sedia ada sebagai ganti kepada barangan luar yang tidak mahu dibeli oleh pembeli .

Pada masa yang sama, Kementerian juga sentiasa berusaha membantu pengusaha tempatan meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan mengikut piawaian yang ditetapkan menerusi khidmat nasihat, latihan berterusan dan padanan perniagaan mereka dengan peruncit utama negara ini. Selain pemasaran fizikal, penekanan juga turut menitikberatkan pengusaha untuk memanfaatkan kelebihan ekosistem digital dan infrastruktur e-dagang dalam memasarkan produk dan perkhidmatan mereka seiring dengan perubahan gaya hidup dan mengikut *trend* dan keperluan semasa.

Sehingga awal Februari 2024, tiada sebarang laporan diterima oleh Kementerian berhubung bilangan syarikat perniagaan yang terjejas atau ditutup akibat isu boikot ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN [BANGI]

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN [BANGI] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan :

- (a) mekanisme yang digunakan untuk memastikan minyak bersubsidi RON 95 tidak digunakan sewenang-wenangnya oleh kenderaan asing; dan
- (b) tindakan penguatkuasaan yang dikenakan terhadap pengusaha stesen minyak yang gagal memastikan jualan minyak bersubsidi tidak dijual kepada kenderaan asing.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup sentiasa melaksanakan kawalan berterusan ke atas penjualan dan pengedaran barang kawalan bersubsidi bagi membendung penyelewengan dan memastikan bekalannya sentiasa dapat dinikmati oleh rakyat. Beberapa tindakan telah diambil oleh KPND bagi membendung aktiviti penyelewengan dan ketirisan penjualan Petrol RON95 dan diesel bersubsidi di stesen-stesen minyak di negeri bersempadan. Antara tindakan yang telah dilaksanakan adalah **Pelaksanaan Arahan Pengawal Bekalan bagi Larangan Penjualan Petrol RON95 dan Diesel Kepada Kenderaan Asing** di Stesen Minyak di Sempadan telah dikuatkuasakan dan sentiasa ditambahbaik berdasarkan situasi semasa.

Pada 17 Jun 2022, Arahan Pengawal Bekalan telah ditambahbaik kepada **pemegang lesen runcit bagi pengusaha stesen minyak** dengan ketetapan berikut:

- i. Dilarang menjual Petrol RON95 (bersubsidi) kepada semua kenderaan berpendaftaran asing di seluruh negara termasuk motosikal;
- ii. Penjualan Petrol RON97 dibenarkan kepada semua kenderaan termasuklah motosikal yang bernombor pendaftaran asing dengan syarat ia hendaklah dimasukkan terus ke dalam tangki asal kenderaan sahaja;
- iii. Dibenarkan menjual diesel kepada kenderaan berpendaftaran asing tidak melebihi daripada 20 liter dengan sekali transaksi sahaja dalam sehari (pengusaha stesen minyak dalam jarak 50km dari pintu sempadan Malaysia-Thailand dan Malaysia-Singapura/ 30km dari pintu sempadan Malaysia-Indonesia dan Malaysia-Brunei);
- iv. Dibenarkan menjual diesel kepada kenderaan (komersil) bernombor pendaftaran Malaysia tidak lebih daripada 250 liter dengan sekali transaksi sahaja dalam sehari ke dalam tangki asal kenderaan sahaja; dan

- v. Dilarang menjual Petrol dan diesel melebihi 20 liter dengan menggunakan drum, tong plastik atau apa-apa bekas kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada Pengawal Bekalan selaras dengan Peraturan 18, Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Pindaan) 2021.

Memandangkan jarak radius keseluruhan Negeri Perlis dengan Negara Thailand adalah kurang dari 50km, maka KPDN telah memperketatkan kawalan penjualan Petrol RON95 dan diesel di stesen-stesen minyak di negeri berkenaan. Pada 01 Februari 2023, Arahan Pengawal Bekalan bagi Larangan Penjualan Petrol RON95 dan diesel kepada kenderaan berpendaftaran asing termasuk motosikal di Negeri Perlis telah dipinda dengan melarang terus jualan Petrol RON95 dan diesel kepada kenderaan berpendaftaran asing. Walaubagaimanapun, kenderaan-kenderaan berpendaftaran asing masih lagi boleh mendapatkan bekalan Petrol RON95 dan diesel tidak bersubsidi di dua buah stesen minyak komersial yang diberikan kebenaran oleh KPDN di Padang Besar, Perlis dan di Wang Kelian, Perlis.

Selain itu, KPDN masih meneruskan tindakan mengawalselia operasi stesen-stesen minyak di negeri bersempadan dengan pelaksanaan Buku Lawatan dan Peti Lawatan yang telah dilaksanakan sejak Tahun 2021. Malah, KPDN turut mengadakan operasi bersepadu bersama agensi penguatkuasaan lain seperti Polis DiRaja Malaysia, Pasukan Gerakan Am, Pasukan Polis Marin, Jabatan Kastam DiRaja Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan serta lain-lain agensi bagi memastikan penguatkuasaan dilaksanakan lebih holistik dan efisien.

Kementerian juga mengambil inisiatif dengan melaksanakan penempatan Pegawai Penguat Kuasa KPDN di tujuh lokasi pintu masuk sempadan Negara iaitu Negeri Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan sehingga penubuhan Single Border Agency (SBA) bagi membanteras ketirisan dan aktiviti penyeludupan barangan kawalan dan bersubsidi. Operasi penguatkuasaan ini merangkumi di bawah tiga akta yang dikawal selia KPDN iaitu Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122), Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332) dan Akta Cap Dagangan 2019 (Akta 815).

Bagi penguatkuasaan di sempadan maritim Negara, selain dari bantuan tindakan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, KPDM juga adalah antara agensi yang turut bersama dalam kerjasama bilateral antara negara-negara jiran untuk mengekang ketirisan barang bersubsidi di sempadan agar lebih efisien dan holistik.

Tuan Yang di-Pertua,

(b) Berkaitan tindakan ke atas pengusaha stesen minyak bagi larangan menjual RON95 kepada kenderaan asing. Adalah menjadi kesalahan dibawah Peraturan 21, Peraturan Kawalan Bekalan 1974 kerana melanggar Arahan Pengawal Bekalan di bawah Peraturan 12A iaitu larangan penjualan RON 95 kepada semua kenderaan pendaftaran asing. Kesalahan ini, boleh dikenakan denda bagi individu iaitu tidak melebihi satu (1) juta Ringgit Malaysia atau penjara tidak lebih tiga (3) tahun atau kedua-duanya. Bagi syarikat denda tidak melebihi dua (2) juta ringgit dan bagi kesalahan kedua, denda tidak melebihi lima (5) juta ringgit. Maklumat tindakan kes yang telah dihasilkan oleh semua negeri adalah seperti yang berikut:

- i. Jumlah nilai kes dari tahun 2021 hingga 2023 – **38 kes**
- ii. Nilai kompaun dibayar dari tahun 2021 hingga 2023 – **RM52,000.00**
- iii. Nilai denda dari tahun 2021 hingga 2023 – **RM30,500.00**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI
[KUALA KRAU]**

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI [KUALA KRAU] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan perancangan Kerajaan bagi menoktahkan terus pelacuran dalam talian serta budaya "*Dark Side*" yang makin kerap berlaku terutamanya di platform X dan Telegram.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Perundangan sedia ada seperti Kanun Keseksaan [Akta 574] merupakan aspek penguatkuasaan terhadap individu atau pihak yang terlibat dalam aktiviti pelacuran, sama ada secara dalam talian atau luar talian. Bidang kuasa untuk menangani kegiatan pelacuran, termasuk yang dilakukan dalam talian adalah di bawah tindakan dan bidang kuasa Polis DiRaja Malaysia (PDRM).

Kementerian Komunikasi menerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) terlibat dalam menyediakan bantuan teknikal yang melibatkan siasatan, pembekalan maklumat, dan analisis forensik digital. Ini dapat mempercepatkan proses siasatan dan membantu pihak berkuasa dalam mengumpul bukti-bukti yang diperlukan. MCMC juga memainkan peranan penting dalam pelaksanaan tindakan sekatan berdasarkan permohonan daripada pihak berkuasa yang berkaitan.

Bagi tempoh 1 Januari 2023 hingga 1 Mac 2024, MCMC dengan kerjasama penyedia platform media sosial telah menurunkan sejumlah 737 kandungan lucah dan 895 kandungan berunsur pelacuran di pelbagai platform media sosial, termasuk platform *X* dan *Telegram*, yang melanggar piawaian komuniti pihak penyedia platform serta undang-undang sedia ada. Bagi tempoh yang sama, MCMC juga telah melaksanakan tindakan sekatan ke atas 1,272 laman lucah dan 150 laman pelacuran. Tindakan ini akan diteruskan oleh MCMC dari semasa ke semasa dan berasaskan pemantauan serta aduan yang diterima.

MCMC turut aktif mengadakan sesi libat urus bersama penyedia platform media sosial. Melalui pelaksanaan sesi tersebut, Kementerian Komunikasi dan MCMC dapat mengukuhkan komitmen dan kerjasama bersama penyedia platform media sosial supaya usaha pemantauan dan pengawalan kandungan dapat diperkasakan dan dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan garis masa penyelesaian semakan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia untuk memastikan skop dan penggunaannya melindungi kebebasan bersuara dan selaras dengan piawaian hak asasi manusia antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memahami akan keprihatinan pelbagai pihak terhadap Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) memandangkan Akta ini telah digubal sejak 1998 dan industri telekomunikasi juga telah menyaksikan perkembangan yang cukup besar sejak akta ini digubal. Sehubungan dengan itu, Jemaah Menteri dalam mesyuarat pada 8 Mac 2024 telah memberi kelulusan secara dasar untuk meneliti semula bagi menambah baik Akta 588.

Kementerian Komunikasi akan mengadakan sesi pertemuan dan libat urus bersama pemegang taruh dan Ahli-Ahli Parlimen bagi mendapatkan pandangan sebelum RUU ini dibentangkan dalam Mesyuarat Parlimen akan datang.

Secara umumnya, Perlembagaan Persekutuan telah menggariskan hak untuk bercakap dan bersuara di bawah Artikel 10. Walau bagaimanapun, telah dinyatakan secara jelas juga di bawah Artikel 10(2) Perlembagaan Persekutuan bahawa Parlimen boleh melalui undang-undang mengenakan apa-apa sekatan yang didapati perlu atau suai manfaat, antara lain, demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, hubungan baik dengan negara-negara lain, ketenteraman awam atau prinsip moral.

Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] tidak pernah menghadkan kebebasan bercakap dan bersuara seperti yang telah termaktub di bawah Perlembagaan Persekutuan selagi mana penggunaan media elektronik tidak melanggar peruntukan perundangan, khususnya di bawah peruntukan seksyen 211 dan seksyen 233 Akta 588.

Kerajaan sentiasa memberikan kesamarataan kepada setiap warganegara tanpa mengira pangkat dan status sosial seseorang. Dalam mendukung prinsip demokrasi, setiap warganegara di Malaysia bebas untuk menyatakan pendapat dan kritikan, namun ianya mempunyai had tertentu selagi mana tidak melanggar undang-undang sedia ada.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SITI ZAILAH BINTI MOHD
YUSOFF [RANTAU PANJANG]
TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dasar terkini Kerajaan tentang pencen kakitangan awam serta kajian kesan jangka panjang kepada pembangunan masyarakat dan negara.

JAWAPAN

**YB DR ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, skim pencen bagi pegawai yang sedang berkhidmat dan pesara sedia ada masih diteruskan. Namun begitu, implikasi kewangan terhadap tanggungan faedah persaraan semakin meningkat setiap tahun. Pada tahun 2023, jumlah perbelanjaan faedah persaraan adalah sebanyak RM32.01 bilion dan dijangka akan mencecah sebanyak RM46.36 bilion pada tahun 2030.
2. Sehubungan itu, bagi memastikan Kerajaan dapat menguruskan perbelanjaan kewangan negara dengan lebih mampan, Kerajaan sedang meneliti kaedah baharu lantikan tetap dan akan membentangkan hasil kajian kepada Jemaah Menteri terlebih dahulu untuk pertimbangan dan kelulusan pelaksanaannya.
3. Kaedah baharu lantikan tetap yang bakal diperkenalkan oleh Kerajaan merupakan langkah berimpak besar ke arah menawarkan penyelesaian jangka panjang terhadap isu peningkatan tanggungan pencen perkhidmatan awam di samping memastikan kelangsungan serta kemampanan fiskal negara dalam membiayai perbelanjaan yang berkaitan dengan emolumen dan faedah persaraan yang dinikmati oleh penjawat awam.
4. Pegawai baharu yang dilantik menerusi kaedah baharu tersebut akan menerima gaji, elaun dan kemudahan sama seperti yang dinikmati oleh pegawai lantikan tetap dan berpencen sedia ada. Ini termasuklah apa-apa elaun tetap seperti Imbuhan Tetap Keraian (ITK) dan Imbuhan Tetap Perumahan (ITP), serta elaun lain yang layak kepada skim perkhidmatan dan tugas tertentu.

5. Menerusi inisiatif di bawah Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA), Kerajaan turut memberi tumpuan kepada peningkatan pendapatan boleh guna penjawat awam seiring dengan peningkatan kos sara hidup semasa.

6. Di samping itu, dengan pengenalan faedah persaraan baharu dan inisiatif di bawah Kajian SSPA, dijangka produktiviti pegawai awam akan meningkat, sekaligus mendorong mereka memberikan sumbangan yang optimum kepada perkhidmatan awam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN
BANDY [KALABAKAN]**
TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN BANDY [KALABAKAN] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah persediaan dan inisiatif yang akan dilaksanakan berikutan kenaikan harga tiket penerbangan pulang ke Sabah dan Sarawak sewaktu perayaan Hari Raya Aidilfitri khususnya kepada golongan mahasiswa yang ingin pulang beraya di kampung halaman.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagai sebuah Kerajaan yang berteraskan Malaysia Madani, Kementerian Pengangkutan prihatin terhadap isu harga tiket penerbangan semasa musim perayaan termasuk golongan mahasiswa yang ingin pulang beraya di kampung halaman.
2. Jemaah Menteri pada 13 Disember 2023 telah bersetuju dengan cadangan Kementerian Pengangkutan untuk melaksanakan harga maksimum RM599 bagi tiket penerbangan sehala ekonomi dari Semenanjung ke Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Tempoh pelaksanaan inisiatif ini adalah pada 3 hari perjalanan sebelum tarikh sambutan perayaan Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri, Pesta Kaamatan, Hari Gawai dan Hari Krismas bagi tahun 2024.

NO. SOALAN: 25

3. Melalui inisiatif ini, harga maksimum tiket penerbangan kelas ekonomi sehala ditetapkan pada harga RM599 tidak termasuk cukai dan fi. Bagi tiket penerbangan kelas ekonomi yang melebihi RM599, Kerajaan akan membayar perbezaan harga antara harga asal tiket penerbangan dan harga maksimum tersebut.

4. Manakala tiket penerbangan yang berharga kurang daripada RM599 bagi laluan-laluan berkenaan akan dijual pada harga asal yang telah ditetapkan oleh syarikat-syarikat penerbangan.

5. Khusus untuk golongan mahasiswa yang ingin pulang beraya di kampung halaman, Kerajaan Perpaduan pada tahun 2023 telah memperkenalkan inisiatif FLYsiswa iaitu bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan untuk pelajar universiti awam, pelajar politeknik dan kolej komuniti di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) serta pelajar matrikulasi dan institut pendidikan guru (IPG) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi laluan domestik di antara Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan bagi mengurangkan beban kewangan mahasiswa yang ingin pulang ke kampung halaman. Pelaksanaan inisiatif ini akan diteruskan pada tahun 2024 untuk manfaat hampir 60,000 mahasiswa.

6. Inisiatif ini akan dilaksanakan melalui kaedah pemberian *credit shell* di mana syarikat penerbangan akan mengeluarkan baucar digital bernilai RM300 kepada setiap pelajar yang layak untuk ditebus bagi maksud pembelian tiket penerbangan bagi laluan-laluan domestik antara Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : Y.B. TUAN SYED SADDIQ BIN SYED
ABDUL RAHMAN [MUAR]**
TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN [MUAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penjelasan mengenai Parlimen Muar masih tidak menerima sebarang peruntukan walaupun sudah berunding dengan Timbalan Perdana Menteri sebanyak tiga kali.

JAWAPAN

**YB DR ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah *Rolling Plan 4*, Tahun 2024, sebanyak 40 projek daripada pelbagai Kementerian telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan dengan peruntukan RM316,530,700.00 disalurkan untuk kawasan Muar, Johor.
2. Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri untuk kawasan Parlimen hanyalah sebagai tambahan dan pelengkap kepada peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun. Penyediaan dan penyaluran peruntukan ini mestilah mengikut dasar sedia ada dan tertakluk kepada kemampuan semasa kewangan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL [AMPANG]

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL [AMPANG] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sebarang perancangan meminda Akta 171: Akta Kerajaan Tempatan 1976 bagi semua seksyen terkait kacau ganggu dalam pelbagai rupa dan bentuk terutama cakupan tafsiran, kuasa pegawai PBT dan kadar kompaun terlampau rendah, kini hanya RM1,000.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang merancang untuk meminda Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] yang turut mencakupi seksyen yang berkaitan dengan kacau ganggu serta seksyen yang berkaitan dengan tafsiran, kuasa pegawai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan semakan semula kadar denda yang terlampau rendah. Walau bagaimanapun, pindaan ini sedang dalam proses libat urus yang memerlukan persetujuan semua negeri dan Jabatan Peguam Negara sebelum Rang Undang-Undang (RUU) dimuktamadkan. KPKT berharap semua pihak yang terlibat akan dapat mencapai kata sepakat dalam tempoh terdekat supaya pindaan Akta ini dapat dibawa untuk kelulusan Jemaah Menteri, Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT) dan Parlimen Malaysia.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Akta 171 merupakan undang-undang utama dalam hal ehwal berkaitan kerajaan tempatan yang telah digubal pada tahun 1976. Pindaan terakhir telah dibuat pada tahun 2007 yang melibatkan perkara berkaitan pengurusan sisa pepejal. Selaras dengan kepesatan dan *trend* pembangunan yang semakin kompleks, Akta 171 ini wajar dipinda dan disokong oleh semua pihak terutamanya pindaan pada kadar denda dan tempoh penjara agar sesuai dengan keadaan semasa dan jenis kesalahan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI
ABD. MUTTALIB [MARAN]**

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

YB DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [MARAN] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah terdapatnya mekanisme yang ditetapkan oleh Kerajaan bagi syarat pembinaan perumahan pangsapuri atau kondominium mengikut penetapan harga serta luas kaki persegi bagi menjamin keselesaan kepada pembeli.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, **perancangan pemajuan perumahan yang dilaksanakan adalah berdasarkan Garis Panduan Perancangan Perumahan** yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Perancangan pemajuan perumahan juga perlu diselaraskan dengan Rancangan Pemajuan (khususnya Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas) yang sedang dikuatkuasakan di sesebuah kawasan Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan di mana pemajuan tersebut akan dibina.

Secara umumnya, **perancangan reka bentuk pemajuan perumahan juga perlu mengambil kira kehendak teknikal dan arahan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di sesebuah negeri.** Kebiasaannya ia adalah **berdasarkan faktor geografi/ bentuk muka bumi sesuatu tapak pemajuan perumahan, faktor kepadatan penduduk dan permintaan pasaran sesuatu kawasan** tersebut. Selain itu, ia juga perlu merujuk kepada dasar, pekeliling, arahan dan piawaian yang digubal dan dikuatkuasakan oleh PBT di sesuatu negeri.

Di samping itu, KPKT telah memperkenalkan Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (DRMM) pada tahun 2019. Melalui DRMM ini, Kerajaan telah menggariskan **standard, spesifikasi utama, harga** serta **panduan** bagi pembangunan Rumah Mampu Milik (RMM) sama ada yang dibangunkan oleh Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri atau pihak swasta bagi mengatasi isu yang dibangkitkan berkaitan dengan industri perumahan mampu milik. DRMM turut memperkenalkan dan menetapkan **harga siling RMM pada RM300,000.** Walau bagaimanapun, harga siling RMM ini turut tertakluk kepada dasar perumahan di peringkat negeri.

SOALAN NO: 28

Selain daripada harga maksimum RMM, DRMM turut menyatakan **jenis kediaman bagi RMM termasuk bertingkat (pangsapuri) atau rumah bertanah, luas minimum binaan dan kemudahan-kemudahan awam** yang perlu ada bagi pemajuan perumahan mampu milik. Ini adalah **selari dengan Standard Perumahan Kebangsaan (CIS 26:2019)** yang diterbitkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang menetapkan luas minimum ruang lantai bagi bangunan kediaman adalah dalam lingkungan 600 sehingga 800 kaki persegi (kps) tertakluk kepada bilangan bilik dalam satu-satu kediaman.

Standard ini merupakan piawaian sebagai panduan kepada semua pihak yang terlibat dalam pembinaan dan pemajuan perumahan di Malaysia bagi memastikan penyediaan perumahan yang berkualiti dan mampan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZAHIR BIN HASSAN [WANGSA MAJU]

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN ZAHIR BIN HASSAN [WANGSA MAJU] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah persediaan yang telah dibuat termasuk dan tidak terhad dari sudut perundangan, pematuhan mandatori United Nations Regulations (UNR) dan Malaysia Standards (MS), sistem dan infrastruktur jalanraya dan lalu lintas untuk membolehkan penggunaan autonomous vehicle (AV) di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Pengangkutan sedang meneliti semua skop peraturan teknikal pembinaan dan penggunaan melibatkan Kenderaan Pemanduan Autonomi (*Autonomous Vehicles, AV*) di bawah ruang lingkup perundangan dan skop kawal selia Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333]. Salah satu inisiatif mengkaji skop peraturan terlibat adalah melalui pelaksanaan siri-siri pengujian kenderaan AV berpandukan kepada Garis Panduan Pengujian Kenderaan Pemanduan Autonomi (*Autonomous Vehicles, AV*) di Jalan Raya yang telah dikeluarkan oleh MOT. Melalui pelaksanaan ujian terbabit, semua penemuan, hasil ujian, pandangan pemegang taruh dan perkembangan pembangunan teknologi AV akan dapat diteliti dan diambil kira dalam pembangunan peraturan yang akan mengawalselia kenderaan terbabit di masa hadapan.

2. Garis panduan ini juga akan memastikan pelaksanaan pengujian kenderaan autonomi (AV) di Malaysia adalah lebih selamat, mematuhi keperluan perundangan sedia ada, jelas dalam aspek pelaporan dan kawalan, serta menggariskan dengan terperinci keperluan yang perlu dipatuhi dalam aspek komponen teknikal kenderaan, sistem dan komponen AV yang akan digunakan dalam pengujian.

3. Selain itu, MOT juga terlibat di dalam kumpulan kerja pakar bagi menyemak, meminda dan mengemaskini United Nations Regulations (UNR) berkaitan kenderaan AV yang mana apabila telah dimuktamadkan akan dijadikan sebagai asas menambahbaik skop peraturan dan perundangan domestik di bawah Akta 333 melibatkan kenderaan terbabit.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR
[SETIU]**

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR [SETIU] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan Kementerian bagi menambah bilangan polis bantuan di kawasan sekitar stesen KTMB seperti kawasan letak kenderaan, jejantas dan tandas yang sering berlaku kes jenayah sebagaimana kes serangan seksual berlaku di kawasan jejantas KTM Serdang baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini 350 anggota Polis Bantuan KTMB ditugaskan bagi mengawal keselamatan di semua stesen-stesen KTMB. Selaras dengan komitmen untuk meningkatkan kawalan keselamatan kepada pengguna, KTMB telah menambah sejumlah 64 anggota Polis Bantuan baharu pada 15 Januari 2024 untuk ditugaskan di stesen-stesen KTMB. Fasa pengambilan seterusnya iaitu seramai 38 orang anggota Polis Bantuan baharu dijangka akan dilaksanakan pada bulan April 2024.

2. Selain itu, KTMB juga telah melantik 264 pengawal keselamatan (*outsorce*) bagi membantu mengawal stesen dan kawasan *hot spot* bagi memastikan keselamatan penumpang dan operasi KTMB. Pengawal Keselamatan ini diataskan bertugas bermula pada pukul 11 malam hingga 7 pagi di stesen yang tidak beroperasi 24 jam. Manakala di kawasan *hot spot* pula, pengawal keselamatan ini diataskan bertugas 24 jam sehari iaitu bagi laluan Gemas - Padang Besar.

3. Dimaklumkan juga bahawa bagi jejantas-jejantas yang berada atau dibina di atas tanah kereta api, tindakan proaktif yang telah diambil Perbadanan Aset Keretapi (RAC) buat masa ini adalah dengan menambah baik pencahayaan lampu dan memperbaiki kerosakan fizikal pada kemudahan tersebut antaranya, menggantikan bumbung yang rosak seperti yang dibuat pada jejantas pejalan kaki berhampiran Stesen Batu Caves baru-baru ini, selain cadangan untuk menyediakan kamera pengawasan litar tertutup (CCTV). Langkah ini diambil bagi memastikan orang ramai dapat menggunakan kemudahan ini dengan selesa dan selamat.

4. Dengan keseluruhan kekuatan 452 anggota Polis Bantuan mulai bulan April 2024 serta 264 pengawal keselamatan (*outsorce*) di stesen-stesen KTMB dan langkah-langkah diambil RAC, kawalan keselamatan di stesen KTMB akan dapat dipertingkatkan bagi memastikan tiada kes jenayah berlaku.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN
RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DORIS SOPHIA ANAK BRODI
[SRI AMAN]**

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' SRI DORIS SOPHIA ANAK BRODI [SRI AMAN] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian Belia dan Sukan mempunyai program-program khas untuk membina infrastruktur sukan di kawasan luar bandar dan membangunkan bakat sukan tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) tidak mempunyai sebarang program khas untuk membina infrastruktur sukan di kawasan luar bandar.

Pada tahun ini KBS telah menerima peruntukan pembangunan sebanyak RM423 juta bagi perolehan sebanyak 221 projek pembangunan merangkumi 167 projek sambungan dan 54 projek baharu. Peruntukan ini tidak hanya terhad kepada projek pembinaan fizikal sahaja malah turut digunakan bagi tujuan perolehan peralatan/

kelengkapan di Institut Latihan Kemahiran Belia dan Sukan, Dana bagi Program/ Latihan, Kajian, perolehan peralatan/ kelengkapan ICT, dan sewaan bangunan KBS. Berdasarkan peruntukan yang diterima tersebut, KBS pada masa ini menumpukan untuk menaik taraf infrastruktur sukan sedia ada termasuk fasiliti di bawah KBS sendiri.

Walau bagaimanapun, jika ada keperluan untuk infrastruktur baru permohonan boleh dikemukakan kepada KBS. Sebarang permohonan tertakluk kepada Cadangan Penyediaan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan Tahun 2024 dan Garis Panduan Penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021–2025. Garis panduan ini menetapkan syarat bahawa tapak/tanah perlu didaftarkan atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) dengan memperoleh pengesahan pihak Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG). Tapak tersebut perlu bebas bebanan dan sedia untuk dimasuki serta tiada isu seperti setingan, bantahan penduduk dan lokasi tidak sesuai. Selain itu, sebarang permohonan juga perlu mendapat kelulusan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sebelum diangkat ke KBS.

Kementerian ini komited dalam memperkasa inisiatif pengesanan bakat sukan di peringkat sekolah rendah melalui Program MyTID KPM-KBS. Program ini merupakan kerjasama antara Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan KBS.

Program ini menggunakan pendekatan saintifik terkini dan lebih menjurus kepada elemen pengesanan (*detection*) bakat sukan berpotensi yang boleh disyorkan untuk menceburi sukan spesifik berdasarkan kecenderungan, kematangan, keupayaan motor dan kecergasan fizikal.

Pada masa ini program MyTID KPM-KBS melibatkan seramai 30 ribu orang murid sekolah rendah (Darjah 1-6) dari 100 buah sekolah bandar dan kawasan luar bandar (50 buah sekolah di Semenanjung Malaysia, 26 buah sekolah di Sarawak, 24 buah sekolah di Sabah termasuk dua (2) buah sekolah di Labuan), pemilihan sekolah yang terlibat dibuat oleh pihak KPM.

SOALAN NO : 31

KBS turut melaksanakan inisiatif Program Khas pembangunan bakat bagi sukan-sukan berpasukan yang telah dikenalpasti iaitu:

- a) Program Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN) dengan penglibatan seramai 16,135 pemain sedang menjalani latihan di bawah 764 jurulatih di 159 pusat latihan seluruh negeri.
- b) Program Pembangunan Hoki Negara (PPHN) dengan penglibatan seramai 4,601 pemain sedang menjalani latihan di bawah 218 jurulatih di 110 pusat latihan seluruh negeri.
- c) Program Pembangunan Ragbi Negara (PPRN) dengan penglibatan 2,523 pemain sedang menjalani latihan di bawah 122 jurulatih di 57 pusat latihan.
- d) Program Pembangunan Bola Jaring Negara (PPBJN) dengan penglibatan 2,239 pemain, 156 jurulatih di 128 pusat latihan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM
[SERIAN]**

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

YB DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM [SERIAN] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk membina balai bomba dan penyelamat baharu di kawasan Bandar Mutiara Tebedu, Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa komited dalam memperluaskan capaian perkhidmatan kebombaanan bagi memastikan aspek keselamatan dan kesejahteraan rakyat terus terjamin. KPKT melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah mengkaji keperluan pembinaan balai bomba di kawasan Tebedu dengan mengguna pakai kajian risiko kebakaran (*fire cover*). Berdasarkan markah risiko kebakaran yang diperolehi, Kementerian mendapati bahawa kawasan Tebedu masih belum memenuhi serta

SOALAN NO: 32

menepati kriteria pemarkahan untuk pembinaan atau penyediaan fasiliti kebombaian yang baharu.

Walau bagaimanapun, Kementerian melalui JBPM akan sentiasa memantau status terkini pemarkahan risiko kebakaran di kawasan Tebedu yang dipengaruhi oleh faktor pembangunan setempat yang pesat. Perancangan jangka masa panjang juga telah disusun oleh pihak Kementerian melalui penyediaan sebidang tapak tanah bagi tujuan pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kategori D di kawasan tersebut. Pada masa yang sama, kawasan Bandar Mutiara, Tebedu kini telah mendapat khidmat kebombaian daripada BBP Serian dengan jarak 38 kilometer yang mengambil masa lebih kurang 40 minit untuk sampai ke kawasan tersebut.

Bagi memastikan penduduk di kawasan Tebedu mendapat perkhidmatan kebombaian yang sewajarnya, Kementerian melalui JBPM juga telah merancang untuk mempertingkatkan penubuhan Bomba Komuniti di kawasan tersebut yang akan bertindak sebagai pasukan tindak balas awal kecemasan (*first responder*) sementara menunggu ketibaan anggota bomba dari balai yang berhampiran. Pada masa kini, di kawasan Tebedu terdapat sebanyak 26 pasukan Bomba Komuniti melibatkan Kampung Terbat Leban (12 pasukan) dan Kampung Bunan Gega (14 pasukan). Kesemua pasukan berdaftar ini telah mendapat latihan dan diberi pendedahan berhubung pembudayaan amalan keselamatan serta pengukuhan dalam menerapkan amalan terbaik pencegahan kebakaran melalui kerjasama dengan JBPM Negeri Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO HENRY SUM AGONG [LAWAS]

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

DATO HENRY SUM AGONG [LAWAS] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan bila agaknya liputan telekomunikasi di luar bandar khususnya di Lawas dapat berfungsi sepenuhnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah melaksanakan inisiatif Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) untuk menaik taraf perkhidmatan dan kualiti internet di seluruh negara.

Sehingga 31 Januari 2024, liputan internet dan komunikasi di kawasan berpenduduk di Parlimen Lawas telah mencapai 78.93%. Tiga daripada 16 menara baharu telah siap dan beroperasi manakala 83 daripada 84 stesen pemancar sedia ada telah siap dinaik taraf dan 2,263 daripada 3,086 premis telah dilengkapi dengan kesalinghubungan perkhidmatan gentian optik berkeupayaan gigabit. Selain itu, 12 lokasi telah disediakan dengan perkhidmatan jalur lebar melalui satelit (BWA) di Parlimen Lawas. Kesemua inisiatif yang dirancang ini dijangka siap secara berperingkat pada penghujung tahun 2025.

Kerajaan turut melaksanakan penyediaan infrastruktur jalur lebar menggunakan kaedah *Point of Presence* (PoP) hab gentian optik.

SOALAN NO: 33

Sehingga 5 Mac 2024, sebanyak empat PoP telah selesai dibina sepenuhnya bagi Fasa 1 manakala 15 PoP akan dibina di Parlimen Lawas bagi Fasa 2 dan dijadualkan siap sepenuhnya menjelang tahun 2025. Ini menjadikan 441 premis telah tersedia dengan sambungan gentian optik untuk dilanggan oleh komuniti setempat di Parlimen Lawas.

Selain inisiatif Pelan JENDELA, Kerajaan Negeri Sarawak melalui Sarawak *Multimedia Authority* (SMA) dan Sarawak *Digital Economy Corporation Berhad* (SDEC) juga sedang melaksanakan inisiatif pembinaan 600 buah menara baharu (SMART 600) bagi menambah baik liputan internet di Sarawak. Kerajaan Persekutuan dan syarikat penyedia perkhidmatan mudah alih telah bersetuju berkongsi kos pembiayaan bagi operasi menara di bawah inisiatif tersebut untuk tempoh tiga tahun. Di Parlimen Lawas, dua daripada 10 buah menara baharu telah siap dan beroperasi di bawah inisiatif SMART 600 ini.

Kerajaan melalui MCMC berusaha untuk mempercepatkan pelaksanaan inisiatif Pelan JENDELA. Kerjasama serta komitmen Kerajaan Negeri dan semua pihak berkaitan antara lain seperti Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi-agensi melulus adalah penting bagi memastikan kelulusan, pengaplikasian dan penyediaan infrastruktur bagi kesemua inisiatif yang dirancang dapat dilaksanakan dengan lancar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL
[JASIN]**

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

YB TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [JASIN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha JAKIM bagi mengatasi kes perceraian yang semakin meningkat daripada tahun ke tahun seperti yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan mengambil perhatian dengan kenyataan yang dikeluarkan mengenai peningkatan jumlah perceraian dalam kalangan pasangan muslim.

2. Antara inisiatif yang telah dan sedang diambil oleh kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) adalah melalui pelaksanaan Kursus Praperkahwinan Islam yang diwajibkan kepada pasangan muslim yang hendak berkahwin sebagai usaha untuk menyediakan pengetahuan asas kekeluargaan kepada semua pasangan muslim yang akan mendirikan rumahtangga bagi meningkatkan ilmu dan memantapkan persediaan diri serta meningkatkan keyakinan sebelum memasuki alam perkahwinan.

3. Di samping itu, JAKIM juga turut memperkenalkan Kursus Pascaperkahwinan Islam kepada pasangan muslim yang telah berkahwin sebagai inisiatif membantu pasangan yang telah berkahwin untuk mengeratkan hubungan dan ikatan perkahwinan mereka.

4. Peserta Kursus Pascaperkahwinan Islam didedahkan dengan ilmu berkaitan Pengurusan Kesihatan Keluarga, Pengurusan Kewangan Keluarga, Motivasi dan Pengurusan Psikologi serta Ibadah dan Pengurusan Stres dalam Rumah Tangga menggunakan modul yang telah disediakan oleh JAKIM dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri (JAIN), kementerian dan agensi berkaitan. Kursus ini dilaksanakan mengikut fasa perkahwinan pasangan iaitu:

- i. Fasa Bulan Madu - bagi usia perkahwinan 0-5 tahun
- ii. Fasa Sehati Sejiwa- bagi usia perkahwinan 6-10 tahun
- iii. Fasa Semarak Kasih - bagi usia perkahwinan 11-20 tahun

iv. Fasa Syurga Cinta - bagi usia perkahwinan 21 tahun lebih

5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kursus Pascaperkahwinan Islam tidak diwajibkan seperti Kursus Praperkahwinan. Justeru, sepanjang pelaksanaan kursus pascaperkahwinan Islam yang telah mula diperkenalkan pada tahun 2013-2023 dan dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), hanya seramai 706 pasangan yang telah mengikuti kursus ini. JAKIM akan berusaha untuk mengiatkan lagi pelaksanaan kursus ini kepada lebih ramai pasangan.

6. Terkini, JAKIM juga telah mengetengahkan konsep Lelaki Qawwam yang merupakan antara inisiatif untuk memperkukuhkan tanggungjawab dan menyerlahkan peranan lelaki dalam mentadbir diri, keluarga, organisasi dan masyarakat seterusnya dapat memperkasakan aspek kepimpinan dan keupayaan lelaki agar memiliki ciri-ciri adil, perkasa, amanah, wibawa, tekad, penyantun dan futuristik.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
(TANAH MERAH)**

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [TANAH MERAH] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status terkini pelaksanaan Projek Littoral Combatant Ship (LCS) oleh Syarikat Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd. (BNSSB) yang kini telah dijenamakan sebagai Lumut Naval Shipyard serta kos terkini yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan berkait pelaksanaan projek ini termasuk menanggung kos hutang lapuk Syarikat Boustead Naval Shipyard.

JAWAPAN

**YB DATO' SERI MOHAMED KHALED BIN NORDIN
MENTERI PERTAHANAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sambungan semula kerja-kerja pembinaan kapal tempur pesisir *Littoral Combat Ship* (LCS) telah dijalankan mulai dari tarikh kontrak tambahan ke-6 yang ditandatangani pada 26 Mei 2023. Status kemajuan semasa bagi keseluruhan projek merangkumi elemen rekabentuk, pembinaan, peralatan, serta ujian yang berakhir pada Januari 2024 adalah sebanyak 67.57%. Berhubung pembayaran pula, sehingga kini, Kerajaan telah membayar sebanyak RM7.02 bilion iaitu 62.49% daripada kos keseluruhan projek selaras dengan kontrak yang termaktub.
2. Berhubung dengan hutang lapuk Syarikat Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd (BNSSB), perkara ini adalah di luar bidang kuasa Kementerian Pertahanan dan tertakluk kepada pengurusan syarikat baharu yang mengambil alih Syarikat BNSSB tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' AZMAN BIN NASRUDIN
[PADANG SERAI]**

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

YB DATO' AZMAN BIN NASRUDIN [PADANG SERAI] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan syarat-syarat yang harus dipatuhi oleh pemaju perumahan dalam menyiapkan jalan-jalan utama kawasan perumahan yang rosak sebelum serahan seperti yang berlaku di Taman Lagenda dan Taman Puteri dalam Parlimen Padang Serai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, setiap permohonan pembangunan yang dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu mematuhi proses dan prosedur cadangan pemajuan yang telah digariskan di dalam Manual OSC 3.0 Plus sebagai panduan dalam menjalankan aktiviti industri pembinaan. Terdapat enam (6) proses utama yang terlibat dalam pemberian kelulusan sehingga pendepositan Perakuan Siap dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance*, CCC). Pemaju melalui *Principal Submitting Person* (PSP) perlu menjalankan pemeriksaan di tapak bina dan mengemukakan surat pelepasan dan sokongan agensi teknikal dan seterusnya pendepositan CCC kepada PBT setelah bangunan siap dan selamat diduduki. Syarat-syarat kelulusan berkaitan dengan aspek jalan dan parit juga diambil kira bagi mematuhi keperluan Borang G-17 (Perakuan Berperingkat).

Majlis Perbandaran Kulim telah menetapkan syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh pihak pemaju melalui PSP bagi pendepositan CCC di Taman Lagenda dan Taman Puteri sebelum CCC/ *Certificate of Fitness For Occupation* (CFO) dikeluarkan. Pihak pemaju perlu mematuhi semua syarat-syarat menyiapkan jalan-jalan utama kawasan perumahan yang rosak sebelum serahan CCC melalui pematuhan serta surat pelepasan borang G17 berkaitan kerja-kerja infrastruktur, jalan dan parit yang ditetapkan oleh PBT dan Jabatan Kerja Raya (JKR).

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat selanjutnya, serahan CCC kepada pembeli untuk menduduki rumah juga mempunyai tempoh kecacatan (*Defect Liability Period & Remedial Works*) yang disyaratkan oleh PBT. Pihak pemaju adalah bertanggungjawab dan disyaratkan untuk menyiapkan pembaikan kerosakan semasa tempoh kecacatan yang ditetapkan mengikut spesifikasi pelan yang diluluskan. Pemantauan berterusan ke atas infrastruktur, jalan-jalan utama dan parit adalah dikawal selia oleh pihak PBT dan JKR mengikut bidang kuasa pemilikan jalan masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ
(SEGAMAT)**

TARIKH : 13 MAC 2024

SOALAN

TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ [SEGAMAT] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah cabaran dihadapi oleh pasukan bola sepak negara dalam melahirkan pasukan yang terdiri daripada pemain tempatan disebabkan oleh kekurangan bakat dan kurangnya minat untuk bermain untuk negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bersama Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) telah melaksanakan pelbagai usaha bagi mengatasi cabaran-cabaran yang dihadapi dalam pembangunan bola sepak negara. Antara cabaran yang dilihat adalah dari segi **penstrukturan liga profesional dan amatur di dalam negara**. KBS bersama FAM dan *Malaysia Football League* (MFL) sering berbincang untuk memastikan konsep terbaik yang dapat dibuat untuk mengurangkan isu-isu yang berbangkit di mana sedikit sebanyak memberi kesan kepada penglibatan pemain tempatan terutama pemain-pemain muda.

Antara cabaran yang dihadapi juga adalah **pemain-pemain import dilihat begitu dominan dalam liga bola sepak tempatan**. Perkara ini telah menyebabkan pemain-pemain tempatan kurang mendapatkan minit permainan yang lebih banyak. Justeru itu, inisiatif yang telah diambil adalah memastikan setiap pasukan yang bersaing dalam Liga Super dikehendaki mendaftarkan maksimum 30 pemain atau minimum 20 orang pemain, termasuk:

- a) maksimum lima orang pemain import;
- b) tiga orang pemain terbuka dari mana-mana negara;
- c) satu orang pemain dari Asia; dan
- d) satu orang pemain dari ASEAN.

Bagi tahun 2023, seramai sembilan (9) pemain import boleh didaftarkan tetapi hanya lima (5) orang dibenarkan beraksi atas padang (terdiri daripada 3 terbuka, 1 dari Asia dan 1 dari ASEAN) bersama satu (1) pemain di bangku simpanan. Kuota yang sama akan terpakai bagi saingan 2024.

Selain itu, **isu kewangan** sesebuah pasukan juga merupakan faktor utama kehilangan pemain tempatan yang berbakat untuk beraksi di

SOALAN NO : 37

liga tempatan. Dalam pasaran terbuka memang terdapat kelebihan kepada kelab-kelab yang berada dalam kedudukan kewangan yang kukuh. Sehingga kini, kelab-kelab yang berkemampuan dari segi kewangan berupaya untuk memancing pemain terbaik tempatan serta mendapatkan tenaga import yang terbaik mengikut kuota sedia ada dan mampu memberi impak bagi menguasai saingan tempatan dan Asia.

Pihak Kerajaan juga sentiasa komited dalam memastikan pembangunan sukan bola sepak negara. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-12, sebanyak RM110 juta telah diperuntukkan kepada Majlis Sukan Negara (MSN) bagi **Program Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN)**.

PPBN ini merupakan inisiatif yang memberikan penekanan kepada pembangunan pemain-pemain muda tempatan di seluruh pelosok negara yang berumur antara 7 hingga 17 tahun. Sehingga kini PPBN mempunyai seramai 16,280 orang pemain, 792 orang jurulatih daripada 79 buah Akademi Tunas (AT), 63 buah Pusat Latihan Daerah (PLD), 14 buah Sekolah Sukan Negeri (SSN), 2 Akademi Zon dan satu (1) buah Akademi Bola Sepak Negara Mokhtar Dahari (AMD).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,
PERSIDANGAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN [BANGI]

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN [BANGI] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan :

- (a) perkembangan kes dan status pembayaran denda penalti berjumlah RM415.5 juta yang dikenakan terhadap lima syarikat pengeluar makanan ayam oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) pada 22 Disember 2023; dan
- (b) langkah-langkah bagi mengelakkan situasi monopoli kartel bahan makanan asas di masa hadapan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kelima-lima syarikat tersebut telah memfailkan permohonan penggantungan (stay application) terhadap penalti kewangan dan arahan-arahan lain MyCC kepada Tribunal Rayuan Persaingan (TRP). MyCC telah memfailkan bantahan kerasnya. TRP akan membuat keputusan kelak berkenaan permohonan tersebut. Oleh itu, tiada pembayaran yang telah dibuat oleh lima syarikat tersebut setakat ini.

Pada masa yang sama, kelima-lima syarikat tersebut telah memfailkan rayuan kepada TRP pada 9 Januari 2024. MyCC kemudiannya telah memfailkan pernyataan balas terhadap rayuan tersebut kepada TRP pada 15 Februari 2024.

Antara usaha terkini yang diambil oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dalam mengawal amalan kartel adalah seperti berikut:

- (i) Meningkatkan kapasiti dan fungsi MyCC melalui penambahan jawatan bersandarkan kepada peruntukan tambahan RM10 juta yang diumumkan melalui bajet pada Oktober 2023;
- (ii) MyCC akan membentangkan pindaan kepada Akta Persaingan 2010 yang antaranya memperkenalkan kuasa baru kepada MyCC untuk mengawal penggabungan dan pengambilalihan supaya memberi jalan baru untuk MyCC menghalang dari awal pembentukan kartel atau monopoli;
- (iii) MyCC mengadakan kolaborasi dan kerjasama dengan agensi-agensi relevan termasuk KPDN, SSM, LHDN, SKMM, CIDB dan sebagainya dan salah satu cara adalah dengan menubuhkan satu jaringan kerjasama di semua peringkat untuk membanteras kartel secara strategik dan efektif;
- (iv) Memperhebatkan lagi program advokasi untuk memberi kesedaran kepada Kementerian dan agensi kerajaan, persatuan dan pemain industri serta rakyat umum berkenaan

kartel yang menjadi pelanggaran di bawah Akta Persaingan 2010 (Akta 712) termasuk meningkatkan pematuhan dalam kalangan pemain-pemain industri yang di dalam pemantauan MyCC seperti makanan dan pertanian. Sejak penubuhan MyCC sehingga kini, MyCC telah melaksanakan lebih dari 350 program advokasi;

- (v) Menjalankan kajian semula pasaran dalam sektor atau pasaran tertentu terutamanya makanan dan pertanian untuk mengenal pasti isu persaingan yang berpotensi mengganggu proses persaingan dalam pasaran sekaligus menjejaskan kos sara hidup rakyat; dan
- (vi) Sebagai penasihat Kerajaan dalam isu persaingan, mengeluarkan nasihat dasar dan ekonomi kepada Kementerian dan agensi kerajaan berkenaan isu-isu persaingan. Sehingga kini, MyCC telah mengeluarkan lebih 100 nasihat dasar dan 40 nasihat ekonomi kepada beberapa Kementerian dan agensi Kerajaan bagi memastikan dasar Kerajaan adalah sejajar dengan prinsip persaingan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHONG ZHEMIN [KAMPAR]

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN CHONG ZHEMIN [KAMPAR] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah usaha terbaru dalam misi mencari MH370.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, aspirasi untuk mencari pesawat MH370 tidak akan diabaikan. Sekiranya terdapat maklumat atau petunjuk baharu yang sahih dan kukuh (*credible evidence*) diperolehi, maka operasi pencarian selanjutnya akan dipertimbangkan oleh Kerajaan.

2. Keputusan menggantung operasi pencarian pesawat MH370 adalah selaras dengan persetujuan yang dicapai pada Mesyuarat Tripartite Peringkat Menteri di antara Malaysia, Australia dan RRC yang telah diadakan pada 22 Julai 2016. Melalui mesyuarat tersebut, ketiga-tiga negara telah bersetuju sekiranya terdapat maklumat atau petunjuk baru yang sahih dan kukuh (*credible*) diperolehi, maka operasi pencarian selanjutnya boleh dipertimbangkan.

3. Sebarang perbincangan lanjut berhubung penyambungan semula operasi pencarian pesawat MH370 akan diadakan dengan Kerajaan Republik Rakyat China dan Australia berdasarkan bukti yang boleh dipercayai, yang mungkin membawa kepada pencarian baharu bagi pesawat yang hilang itu.

4. Kementerian Pengangkutan mengambil maklum cadangan pencarian baru oleh syarikat Ocean Infinity dan sedang menunggu maklumat lanjut dari pihak syarikat. Dalam hubungan ini, mana-mana pihak yang mempunyai maklumat atau petunjuk baharu yang sahih dan kukuh (*credible evidence*) berhubung lokasi pesawat MH370 bolehlah merujuk perkara tersebut kepada Kementerian Pengangkutan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU
[TUARAN]**

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU [TUARAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menerbitkan sebuah kertas hijau untuk memudah cara perbincangan yang lebih menepati fakta, tanpa mengikat komitmen Kerajaan, mengenai pengenalan Parlimen Berpenggal Tetap dan/atau reformasi institusi lain demi memupuk kestabilan politik di negara ini.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Malaysia mempunyai penetapan tempoh Parlimen, iaitu lima (5) tahun seperti mana yang diperuntukan di bawah Perkara 55(3) Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, Perdana Menteri mempunyai budi bicara untuk meminta YDPA untuk memperkenankan pembubaran Parlimen sebelum penamatan tempoh lima (5) tahun, pada bila-bila masa untuk apa-apa alasan, sekiranya juga dipersetujui oleh YDPA.

2. Terdapat banyak negara yang mengamalkan parlimen berpenggal tetap dengan garis masa yang dipersetujui untuk pilihan raya demi menjamin kestabilan politik dan ekonomi serta untuk menghalang sebarang cubaan rampasan kuasa yang memudaratkan sistem demokrasi berparlimen negara. Parlimen berpenggal tetap juga boleh memastikan segala agenda reformasi dan polisi dapat dilaksanakan secara berterusan tanpa gangguan.

3. Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) masih dalam peringkat kajian terperinci (*in-depth study*) termasuk kajian impak (*impact study*) yang juga akan mengambil kira pandangan dan hasil sesi libat urus dengan pihak berkepentingan dan orang awam berkenaan pengenalan Akta Parlimen Berpenggal Tetap, di mana pendapatan kajian yang menyeluruh ini akan digunapakai bagi pertimbangan dasar oleh Jemaah Menteri kelak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ALI ANAK BIJU [SARATOK]

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

DATUK ALI ANAK BIJU [SARATOK] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status terkini berhubung penstrukturan semula Jawatankuasa Teknikal Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (JKMTPMA63).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan terus komited dalam memastikan perkara-perkara yang termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) diselesaikan mengikut Perlembagaan Persekutuan dan kerangka undang-undang sedia ada. Platform perundingan mengenai MA63 telah ditambah baik oleh Kerajaan Persekutuan dengan menubuhkan Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MTPMA63) yang dipengerusikan sendiri oleh YAB Perdana Menteri dan Jawatankuasa Teknikal di bawah MTPMA63 (JKMTPMA63) yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri telah turut ditubuhkan.
2. Mengenai penstrukturan semula JKMTPMA63, ia akan dilaksanakan selaras rombakan kabinet pada 12 Disember 2023. Penstrukturan semula JKMTPMA63 hanya akan melibatkan perubahan keahlian di peringkat Persekutuan. Keahlian bagi Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak adalah kekal. Tiada perubahan ke atas sebarang peranan dan fungsi JKMTPMA63 tersebut.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, cadangan penstrukturan semula Jawatankuasa Teknikal di bawah MTPMA63 tidak akan memberi kesan terhadap perbincangan sedia ada. Perbincangan di peringkat Kementerian/ Agensi bersama Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak akan diteruskan bagi memastikan perkara/ tuntutan asas MA63 yang masih belum dilaksanakan dapat dimuktamadkan mengikut pelan dan garis masa yang direncanakan.
4. Perkara/tuntutan asas MA63 yang belum diselesaikan akan dipantau dan disusuli oleh Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak, Jabatan Perdana Menteri (BHES, JPM) selaku Sekretariat kepada MTPMA63 dan Jawatankuasa Teknikal di bawah MTPMA63. BHES berperanan memantau pelaksanaan dan menyelaraskan tindakan berhubung sesuatu isu atau keputusan sama ada di peringkat kementerian/agensi Persekutuan, mahupun di peringkat agensi Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK JONATHAN YASIN [RANAU]

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

DATUK JONATHAN YASIN [RANAU] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan langkah-langkah yang telah dibuat dan cadangan-cadangan baru yang akan dilaksanakan oleh Kementerian untuk mengurangkan dan menyeragamkan kos harga barang-barang keperluan asas di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Malaysia secara amnya mengadaptasi sistem pasaran bebas (*free market economy*) di mana harga barangan dipengaruhi oleh penawaran dan permintaan tanpa intervensi Kerajaan. Walau bagaimanapun, kita melaksanakan sistem *hybrid* di mana ada barang-barang tertentu dikawal harganya samada melalui subsidi mahupun tidak. Ini dilaksanakan terhadap beberapa barangan asas utama di mana jika tidak dikawal harganya akan mempengaruhi barang-barang yang dihasilkan darinya termasuk kos buatan dan kos pengangkutan terutama makanan bermasak.

Justeru, Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah melaksanakan **dua program** sebagai sebahagian daripada langkah intervensi dan mitigasi untuk menangani isu perbezaan besar harga barang-barang asas di kawasan-kawasan pedalaman berbanding kawasan-kawasan lain terutamanya bagi Sabah dan Sarawak agar selari dengan harga yang dinikmati oleh rakyat di Semenanjung.

Program yang pertama ialah **Program Penyeragaman Harga Sabah, Sarawak dan Labuan (PPHSSL)** yang tertumpu kepada penyeragaman harga barangan di antara wilayah di mana Kerajaan menampung kos pengangkutan barangan antara pelabuhan ke pelabuhan (port-to-port). Untuk tahun 2024, peruntukan yang disediakan adalah sebanyak **RM40 juta** dan program yang telah dilaksanakan sejak tahun 2013 ini melibatkan barang keperluan iaitu **gula, tepung gandum bersubsidi dan minyak masak paket bersubsidi**. Penghantaran ini dibuat berdasarkan kepada pengiraan keperluan barangan mengikut bilangan penduduk di wilayah berkenaan. Pada masa ini, keperluan bulanan bagi gula adalah sebanyak 12 ribu tan, minyak masak paket bersubsidi sebanyak 10,741 tan dan tepung gandum kegunaan am sebanyak 4,416 tan.

Kerajaan akan terus komited dalam memastikan objektif program ini dicapai melalui beberapa penambahbaikan antara lain termasuklah mengkaji semula kadar subsidi bagi pengedaran gula dari Semenanjung ke Sabah, Sarawak dan Labuan berdasarkan jurang harga antara wilayah

serta mengoptimumkan perbelanjaan subsidi pengeluaran minyak masak di Sabah, Sarawak melalui pengukuhan *Standard Operating Procedure* (SOP) PPHSSL.

Tuan Yang Di-Pertua,

Program yang kedua ialah **Program Pengedaran Barang Perlu, LPG dan Community Drumming** atau dikenali sebagai Program Penyeragaman Harga yang telah dilaksanakan sejak tahun 2009 di mana Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak **RM 2.9 billion** sehingga kini. Bagi tahun 2024, sejumlah **RM225 juta** telah diperuntukkan oleh Kerajaan bagi pelaksanaan program ini.

Program ini dilaksanakan bagi menanggung kos pengangkutan membawa tujuh (7) barangan bersubsidi/kawalan iaitu beras, gula, tepung gandum, minyak masak, LPG, Petrol RON95, dan Diesel dari pembekal ke kawasan-kawasan pedalaman **di enam (6) negeri** iaitu **Kedah, Kelantan, Terengganu, Pahang, Sabah dan Sarawak** supaya penduduk boleh membeli tujuh barangan di atas dengan harga yang sama seperti harga di pekan dan bandar terdekat.

Pada tahun ini, Kerajaan akan memperluaskan program ini melibatkan tambahan 2 zon baharu di Sabah iaitu Zon Abai (Sandakan) dan Zon Gana (Kudat) serta 5 zon baharu di Sarawak iaitu Zon Long Kawi dan Zon Long Bangan di Miri; serta Zon Enkerbai, Zon Ulu Bayan dan Zon Tebaang di Mukah. Perluasan ini akan memberi manfaat kepada lebih 13,000 rakyat.

Terkini, bagi memastikan penstabilan harga barang di seluruh negara, Kerajaan telah menubuhkan **Jawatankuasa Penstabilan Harga di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan**. Jawatankuasa ini berperanan untuk meneliti isu, cabaran serta melaksanakan kajian berhubung masalah harga barangan dan perkhidmatan di Sabah, Sarawak dan Labuan. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab dalam merangka strategi dan mekanisme dalam penstabilan harga yang lebih mampan di wilayah berkenaan dengan **kerjasama Kerajaan Negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan**.

Terma rujukan penubuhan jawatankuasa ini termasuklah:

1. Mengenal pasti isu dan masalah berkaitan isu harga barang dan perkhidmatan di Sabah, Sarawak dan WP Labuan;
2. Mencadangkan langkah-langkah penyelesaian yang proaktif terhadap isu-isu kos sara hidup di Sabah, Sarawak dan WP Labuan;
3. Melaksanakan sesi libat urus bersama pihak-pihak berkepentingan termasuk Kerajaan Negeri Sabah, Sarawak dan WP Labuan;
4. Melaporkan keputusan mesyuarat kepada Mesyuarat Tertinggi NACCOL dan Jemaah Menteri; dan
5. Memantau dan memastikan pelaksanaan berkesan terhadap keputusan-keputusan mesyuarat.

Kesimpulannya, Kerajaan prihatin akan isu yang dihadapi oleh rakyat berhubung perbezaan harga di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia dan giat berusaha menangani isu tersebut. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN [SUBANG]

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN WONG CHEN [SUBANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa kontrak projek PJD Link dianggap sebagai sebuah rahsia rasmi sedangkan pembiayaan untuk kontrak tersebut memerlukan pendedahan penuh kepada pemberi dana yang berpotensi, terutamanya yang dimiliki oleh pihak asing, dan adakah Kerajaan akan membenarkan Ahli Parlimen untuk melihat kontrak tersebut.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kerja Raya (KKR) telah mengelaskan Perjanjian Konsesi Lebuhraya PJD Link sebagai "RAHSIA" di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 atas sebab-sebab berikut:

- (a) adalah melibatkan pembangunan infrastruktur negara;
- (b) memerlukan jumlah bahan binaan serta tenaga kerja yang besar dan boleh dimanipulasi oleh pihak ketiga bagi mengaut keuntungan melampau atau menggagalkan pembinaan Lebuhraya PJD Link sekiranya terma-terma

NO SOALAN : 43

perjanjian konsesi tersebut dan garis masa diketahui umum yang boleh mengganggu kestabilan ekonomi negara;

- (c) kos pengambilan balik tanah yang diperlukan bagi tujuan pembinaan Lebuhraya PJD Link akan meningkat secara mendadak sekiranya jajaran lebuhraya tersebut diketahui secara terperinci; dan
- (d) struktur Lebuhraya PJD Link adalah maklumat sensitif yang melibatkan keselamatan awam dan negara perlu dilindungi agar pembinaan lebuhraya ini tidak disabotaj oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

2. Klausula 52 di dalam Perjanjian Konsesi menetapkan seperti berikut:

“This Agreement and all such drawings, records, data, books, reports and all matters pertaining hereto shall be considered as confidential matter and shall not be disclosed to any third party without prior mutual agreement except where as determined by Government..”

3. Dalam hal berkaitan sekiranya terdapat maklumat diperlukan oleh pemberi dana yang berpotensi, pihak berkenaan boleh berunding dengan syarikat PJD Link Sdn. Bhd. (PJDLSB) dan sekiranya terdapat keperluan untuk akses kepada Perjanjian Konsesi, PJDLSB boleh memohon kebenaran Kerajaan bagi tujuan tersebut. Perjanjian Konsesi Lebuhraya PJD Link tidak boleh didedahkan kepada pihak ketiga kerana ia mengandungi perkara-perkara RAHSIA demi menjaga kepentingan Kerajaan serta mengandungi perkara-perkara khusus berkaitan projek yang boleh memberikan implikasi kepada Kerajaan sekiranya didedahkan dan disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI BAKRI BIN JAMALUDDIN
[TANGGA BATU]**

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

YB TUAN HAJI BAKRI BIN JAMALUDDIN [TANGGA BATU] minta
MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan:

- (a) apakah status perolehan tanah untuk pembangunan Energy to Waste di tapak pelupusan sampah Sungai Udang; dan
- (b) bilakah projek ini akan dimulakan secara operasi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) telah selesai memohon pemberimilikan tanah seluas 9.80 ekar kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) bagi pembangunan loji *Waste to Energy* (WtE) di Sungai Udang, Melaka. Tanah tersebut telah didaftarkan hak milik PTP pada 11 Januari 2022.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat selanjutnya, pada masa ini projek WtE Sungai Udang, Melaka di peringkat rundingan terma dan syarat utama perjanjian konsesi di antara Kerajaan dan pembida berjaya. KPKT menjangkakan perjanjian konsesi tersebut dapat dimuktamadkan dan ditandatangani selewat-lewatnya pada suku keempat tahun 2024. Pembinaan loji WtE dijangka mengambil masa dua (2) hingga tiga (3) tahun termasuk kerja-kerja pengujian dan pentauliahan. Oleh itu, Kementerian ini menjangkakan loji WtE Sungai Udang, Melaka akan beroperasi seawalnya pada tahun 2027 setelah semua syarat-syarat kontrak dipenuhi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WAN AHMAD FAYHSAL BIN
WAN AHMAD KAMAL [MACHANG]**

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN WAN AHMAD FAYHSAL BIN WAN AHMAD KAMAL minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan apakah pendekatan baharu Kementerian dalam menangani ancaman siber yang semakin kompleks saban hari termasuk mengenal pasti jurang ketidaksamaan siber serta kemunculan teknologi pesat seperti AI sebagai antara risiko utama keselamatan siber tahun hadapan menurut Forum Ekonomi Dunia (WEF).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Forum Ekonomi Dunia (WEF) memberi penekanan terhadap risiko yang berkaitan dengan perkembangan dan integrasi Kecerdasan Buatan (AI) dalam keselamatan siber. Teknologi AI dengan kecanggihan dan kemampuannya untuk mengautomasi tugas dapat dieksploitasi untuk aktiviti jenayah siber, menjadikan serangan siber lebih kompleks dan sulit untuk diatasi. Situasi ini bertambah kritikal ekoran kekurangan profesional keselamatan siber secara global yang dijangkakan mencapai 3.4 juta profesional (<https://www.weforum.org>) dalam keselamatan siber di seluruh dunia.

SOALAN NO. 45

2. AI mempunyai sifat dua arah iaitu berupaya menjadi senjata ancaman siber dan juga mampu menjadi alat yang sangat efektif dalam menangani ancaman siber, namun perkara ini memerlukan penggunaan teknologi AI dilaksanakan secara beretika serta bertanggungjawab. Implikasi AI di dalam keselamatan siber sangat luas, mempengaruhi bukan hanya aspek teknikal malah dari segi aspek etika, regulasi dan jurang digital secara global.
3. Antara pendekatan baharu yang diusahakan oleh Kementerian Digital melalui agensinya CyberSecurity Malaysia adalah seperti berikut:
 - (a) Meningkatkan kelengkapan kemudahan makmal keselamatan siber yang telah mendapat akreditasi serta pengiktirafan di peringkat antarabangsa. Sehingga kini, CyberSecurity Malaysia mempunyai 23 makmal bertauliah yang merangkumi Makmal Forensik Digital, Makmal Ancaman Siber, Makmal Penaksiran dan Penilaian serta Makmal Pembangunan Kriptografi.
 - (b) Fungsi baru melalui perkhidmatan *pre-emptive* CyberSecurity Malaysia yang memfokuskan kepada tindakan yang perlu diambil demi mengelakkan atau mengurangkan risiko masa hadapan sekiranya berlaku sebarang insiden siber, merangkumi aktiviti agregasi data dari sumber luar serta dalaman organisasi. Operasi teknologi *pre-emptive* CyberSecurity Malaysia meliputi lima (5) aspek iaitu:
 - (i) Analisis DarkWeb;
 - (ii) Analisis Serangan Permukaan;
 - (iii) Pengumpulan dan Pengintegrasian data Risikan;
 - (iv) Analisis Sumber Terbuka; dan
 - (v) Penyediaan Platform Perkongsian Maklumat secara Komprehensif.
4. Bagi teknologi baharu seperti kemajuan Teknologi Kuantum pula, CyberSecurity Malaysia telah mengambil langkah proaktif bagi menyekat ancaman terhadap sistem kriptografi sedia ada yang

digunakan secara meluas di Malaysia dan di peringkat global. Buat masa ini, CyberSecurity Malaysia sedang giat dalam usaha membangunkan strategi dan pelan pelaksanaan peralihan kriptografi selamat kuantum bersama pihak akademik dan industri.

5. Selain itu, CyberSecurity Malaysia juga telah memulakan perbincangan bersama pihak Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) bagi menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk mengkaji dengan lebih mendalam isu keselamatan siber berkaitan dengan ancaman pengkomputeran kuantum terhadap sistem kriptografi sedia ada, serta menyediakan pelan dan penyelesaian yang bersesuaian. Dengan kerjasama ini, organisasi dalam ekosistem keselamatan siber negara akan mendapat manfaat besar secara holistik melalui perlindungan yang lebih baik terhadap infrastruktur kritikal dan maklumat sensitif.
6. Selain itu, Makmal Kemudahan Penilaian Keselamatan Malaysia Malaysian Security Evaluation Facility (MySEF) sedang dalam pembangunan kepakaran dan fasiliti pengujian keselamatan siber bagi menjalankan penilaian keselamatan siber terhadap teknologi biometrik terkini yang digunakan di dalam kebanyakan sistem digital identiti seperti *Optical character recognition for facial and image* (OCR), *online verification* dan lain-lain teknologi biometrik.
7. CyberSecurity Malaysia sedang dalam usaha membangunkan Produk Pengesanan dan Produk Tindak Balas Keselamatan Peranti Terakhir (EDR) bersama pihak akademik dan industri. Produk ini diharap dapat menandingi kebergantungan kepada pihak luar, membangunkan kemahiran dan inovasi tempatan, menjimatkan kos dalam negara seterusnya memastikan e-kedaulatan digital negara.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Seiring dengan perkembangan AI, pengaruh AI ke atas keselamatan siber akan meningkat dan memerlukan kesediaan serta strategi baharu yang fleksibel dan berpanjangan bagi menjamin keselamatan digital untuk masyarakat. Antara pendekatan yang telah dilaksanakan adalah:

- (a) Pendekatan Holistik: Pendekatan keselamatan siber secara holistik yang melibatkan tiga (3) komponen utama iaitu proses, teknologi, dan insan (*people*). Pendekatan ini tidak hanya memberi fokus kepada teknologi semata-mata, tetapi juga melibatkan proses garis panduan, undang-undang, serta aspek manusia seperti menyediakan program kesedaran dan latihan seiring dengan Strategi Keselamatan Siber Malaysia (MCSS) yang bertujuan untuk mewujudkan kepercayaan dalam persekitaran siber serta menyokong agenda Kerajaan dalam ekonomi digital dan Industri 4.0.

- (b) Pendidikan dan Program Kesedaran: Memberi tumpuan kepada pendidikan dan kesedaran keselamatan siber melalui program-program seperti Skim *Global Accredited Cybersecurity Education* (Global ACE), Cyberguru dan Cyber Security Awareness For Everyone (CyberSAFE) yang bertujuan untuk melahirkan profesional dan pengamal keselamatan siber yang berkeupayaan, serta memupuk pengetahuan keselamatan siber dalam kalangan masyarakat umum.

- (c) Mengatasi Jurang Ketidaksamaan Siber: Menurut WEF, jurang ketidaksamaan siber menjadi semakin ketara dengan organisasi besar menunjukkan peningkatan dalam daya tahan siber, manakala perusahaan kecil dan sederhana mengalami penurunan. Laporan WEF menekankan pentingnya kerjasama antara sektor awam dan swasta untuk memerangi ancaman siber yang semakin maju, serta membina persekitaran digital yang berdaya tahan. CyberSecurity Malaysia telah melaksanakan suatu inisiatif kerjasama awam-swasta yang dikenali sebagai *CyberSecurity Malaysia Collaboration Program* (CCP) melalui penyediaan produk dan perkhidmatan keselamatan siber. Sejak 2019, hampir 100 syarikat dari sektor ICT telah mendaftar sebagai ahli CCP.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ROSOL BIN WAHID
[HULU TERENGGANU]**

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' ROSOL BIN WAHID [HULU TERENGGANU] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan statistik aduan dan kes membabitkan transaksi jual beli dalam talian dari tahun 2020 hingga 2023 serta apakah jenis aduan dan kes tertinggi yang direkodkan membabitkan transaksi jual beli dalam talian bagi tempoh sama. Berapa banyak kes yang telah dikenakan tindakan berkaitan kesalahan kes transaksi jual beli dalam talian bagi tempoh itu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha menangani isu penipuan penjualan dalam talian, Kementerian mewajibkan peniaga yang menjalankan perniagaan atas talian berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di bawah Seksyen 2, Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (Akta 197), Selain itu di bawah Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Urusniaga Perdagangan Elektronik) 2012, peniaga atas talian juga dikehendaki memaparkan lapan (8) perkara utama sepertimana berikut:

- i. Nama – Individu/perniagaan/syarikat;
- ii. Nombor pendaftaran perniagaan/syarikat;
- iii. Emel, no telefon atau alamat perniagaan;
- iv. Perihal ciri-ciri utama barangan atau perkhidmatan;

- v. Harga penuh termasuk kos penghantaran, pengangkutan, cukai atau kos-kos lain;
- vi. Kaedah pembayaran;
- vii. Terma dan syarat; dan
- viii. Anggaran masa penghantaran.

Ini adalah bagi memastikan pengguna dilindungi dan kegagalan peniaga untuk mematuhi lapan (8) perkara tersebut boleh dikenakan tindakan penguatkuasaan di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999. Berdasarkan statistik dari tahun 2020 hingga 2023 sebanyak 46,222 aduan melibatkan transaksi jual beli dalam talian telah diterima. Kategori aduan tertinggi adalah melibatkan tidak menerima barang/perkhidmatan yang ditawarkan iaitu berjumlah 27,707. Jenis-jenis aduan yang diterima antaranya ialah seperti berikut:

- i. Harga barang/perkhidmatan mengelirukan;
- ii. Tidak menerima barang/perkhidmatan yang ditawarkan;
- iii. Barang/perkhidmatan yang diterima tidak seperti yang ditawarkan;
- iv. Cetak rompak dalam talian;
- v. Barang tiruan dalam talian;
- vi. Menaja skim piramid dalam talian; dan
- vii. Tidak mempamerkan 8 perkara urus niaga perdagangan elektronik.

Manakala sepanjang tahun 2020 hingga 2023 pula, sebanyak 25 kes telah dihasilkan melibatkan kesalahan di bawah) Akta Perlindungan pengguna 1999.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN PANG HOK LIONG [LABIS] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan langkah-langkah yang lebih efektif untuk menghentikan pengiklanan kegiatan haram "Ah Long" dalam Facebook yang kini masih berleluasa dan ramai remaja termasuk pelajar perempuan telah menjadi mangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Isu berkaitan pengiklanan kegiatan haram “Ah Long” atau aktiviti pinjaman wang tidak berlesen, sama ada secara dalam talian atau luar talian, secara khusus adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Dalam hal ini, Kementerian Komunikasi sentiasa memberikan komitmen dan bantuan teknikal menerusi pelaksanaan sekatan akses kepada laman-laman sesawang oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) melalui punca kuasa di bawah Seksyen 263 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, dalam mencegah pelakuan atau pelakuan kesalahan di bawah peruntukan undang-undang yang berkenaan. Bantuan teknikal turut dilaksanakan melalui siasatan, pembekalan maklumat, analisis forensik digital serta pelaksanaan tindakan sekatan berdasarkan permohonan daripada pihak berkuasa untuk menangani kes-kes pengiklanan kegiatan haram “Ah Long”.

Bagi iklan, produk atau perkhidmatan yang tidak dibenarkan untuk dimuat naik atau disebarkan di platform media sosial, permohonan penurunan kandungan juga diangkat untuk perhatian lanjut pihak penyedia perkhidmatan platform media sosial yang berpangkalan di luar negara, berlandaskan kepada terma dan syarat serta piawaian komuniti yang ditetapkan oleh platform yang berkenaan.

Untuk makluman, bagi tempoh 1 Januari 2023 sehingga 15 Februari 2024, sejumlah 12 laman sesawang berkaitan pinjaman wang tidak berlesen telah disekat berdasarkan permohonan rasmi KPKT atas kesalahan di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING]

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perincian pelan Kerajaan untuk memperkenalkan Akta Parlimen Berpenggal Tetap (APBT) untuk menjamin kestabilan politik negara.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Malaysia mempunyai penetapan tempoh Parlimen, iaitu lima (5) tahun seperti mana yang diperuntukan di bawah Perkara 55(3) Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, Perdana Menteri mempunyai budi bicara untuk meminta YDPA untuk memperkenankan pembubaran Parlimen sebelum penamatan tempoh lima (5) tahun, pada bila-bila masa untuk apa-apa alasan, sekiranya juga dipersetujui oleh YDPA.

2. Terdapat banyak negara yang mengamalkan parlimen berpenggal tetap dengan garis masa yang dipersetujui untuk pilihan raya demi menjamin kestabilan politik dan ekonomi serta untuk menghalang sebarang cubaan rampasan kuasa yang memudaratkan sistem demokrasi berparlimen negara. Parlimen berpenggal tetap juga boleh memastikan segala agenda reformasi dan polisi dapat dilaksanakan secara berterusan tanpa gangguan.

3. Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) masih dalam peringkat kajian terperinci (*in-depth study*) termasuk kajian impak (*impact study*) yang juga akan mengambil kira pandangan dan hasil sesi libat urus dengan pihak berkepentingan dan orang awam berkenaan pengenalan Akta Parlimen Berpenggal Tetap, di mana pendapatan kajian yang menyeluruh ini akan digunapakai bagi pertimbangan dasar oleh Jemaah Menteri kelak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
(TANAH MERAH)**

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [TANAH MERAH] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status terkini pelaksanaan Projek Littoral Mission Ship - Batch 2 (LMS-B2) dan apakah pihak MINDEF sudah mengenalpasti syarikat perkapalan antarabangsa yang bakal diberikan kontrak pelaksanaan Projek LMS Batch 2 ini termasuk garis waktu kapal-kapal ini akan dibuat secara G to G atau perolehan terus dengan syarikat pengeluar swasta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pertahanan akan melaksanakan perolehan *Littoral Mission Ship Batch 2* (LMSB2) untuk Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) melalui pendekatan *Government to Government* (GtoG) dengan syarikat berkaitan Kerajaan Turkiye secara rundingan terus iaitu Savunma Teknolojieri Muhendislik (STM).
2. Kementerian Kewangan (MOF) pada 18 Januari 2024 telah memberi kelulusan terhadap perkara ini. Susulan itu, Kementerian Pertahanan telah mengeluarkan surat niat kepada pihak syarikat pada 5 Februari 2024 dan pihak syarikat telah memberikan maklum balas pada 8 Februari 2024 untuk berunding dengan Kementerian Pertahanan sebagai wakil Kerajaan.
3. Pada masa ini, Kementerian Pertahanan melalui TLDM sedang di peringkat rundingan terperinci berhubung spesifikasi yang ditawarkan dan seterusnya akan melaksanakan rundingan harga sebelum perolehan ini dimuktamadkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK
BEGRI (BETONG)**

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK BEGRI [BETONG] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan dengan terperinci jumlah projek fasiliti sukan yang dibina dan dibaikpulih di Sarawak dari tahun 2018-2023 dan nyatakan jumlah peruntukan yang diluluskan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah membina dan membaik pulih lapan (8) fasiliti sukan yang menelan kos sebanyak RM11 juta di Sarawak dari tahun 2018 – 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,
PERSIDANGAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN [PAGOH]
TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN [PAGOH] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah pendekatan menyeluruh Kerajaan untuk meringankan bebanan rakyat yang semakin terkesan akibat kenaikan kos sara hidup, ditambah cukai SST dan cukai-cukai baharu seperti Cukai Barangan Bernilai Rendah yang dijual atas talian, kenaikan tarif elektrik serta penarikan balik subsidi pukal yang akan dilaksanakan pada tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana semua Ahli Yang Berhormat sedia maklum, reformasi percukaian yang berkuat kuasa 1 Mac 2024 adalah sebagai langkah menyokong usaha Kerajaan MADANI memperkukuh asas fiskal dan membawa ekonomi negara ke landasan yang lebih baik. Kenaikan kadar Cukai Perkhidmatan daripada 6% ke 8% menumpukan kepada aktiviti berkaitan perkhidmatan kemahuan (contohnya karaoke, dewan tari-menari) dan aktiviti antara perniagaan (termasuklah pembrokeran dan penaja jaminan berkenaan kewangan).

Peningkatan ini tidak melibatkan perkhidmatan yang menjadi keperluan asas serta menjadi sebahagian daripada gaya hidup rakyat di negara ini. Ini bagi memastikan rakyat tidak dibebani dengan kadar cukai kepenggunaan yang lebih tinggi khususnya dalam perkhidmatan keperluan penting seperti makanan dan minuman, parkir kenderaan dan telekomunikasi.

Selain itu, langkah Kerajaan memperkenalkan beberapa cukai baharu seperti peluasan skop kenaan dan perubahan kadar cukai perkhidmatan (SST) serta pengenaan cukai barang bernilai rendah (LVG) bagi barangan yang dijual di dalam talian merupakan salah satu langkah Kerajaan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan serta menangani kedudukan fiskal negara. Langkah baharu ini akan dilaksanakan secara progresif dalam memastikan ianya tidak memberi kesan besar kepada golongan berpendapatan rendah terutamanya kepada golongan M40 dan ke bawah. Pertambahan hasil yang bakal diterima daripada dasar baharu cukai ini akan digunakan bagi pelbagai tujuan pembangunan negara dan bantuan kepada rakyat.

Pihak kerajaan sentiasa komited mencari alternatif dalam menangani isu kos sara hidup. Kenaikan tarif elektrik serta penarikan subsidi pukal adalah satu kaedah yang telah dikaji dan dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan pendapatan dan mengurangkan perbelanjaan Malaysia. Pelarasan tarif elektrik yang berlangsung pada

Januari sehingga Jun 2024 di bawah mekanisme Pelepasan Kos-kos Tidak Seimbang (ICPT) tidak menjejaskan 85 peratus pengguna. Hal ini kerana kerajaan masih mengekalkan rebat 2 sen/kilowatt-jam (kWj) bagi golongan pengguna elektrik sebanyak 600kWj dan ke bawah pada setiap bulan. Oleh itu, pelarasan tarif elektrik ini tidak akan menjejaskan isi rumah B40 dan M40.

Tuan Yang di-Pertua,

Penyasaran semula subsidi terutamanya bersifat pukal perlu disegerakan bukan sahaja berobjektifkan untuk menyusun semula kedudukan kewangan Kerajaan semata-mata. Ia turut menjadi satu anjakan kepada satu kaedah yang lebih baik dalam pemberian bantuan yang lebih efektif dan efisien kepada kumpulan sasaran yang telah ditetapkan. Peralihan kepada bantuan terus kepada penerima juga akan membebaskan Malaysia daripada pelbagai jenis herotan yang tidak produktif ke atas asas struktural sosial dan ekonomi semasa disebabkan oleh subsidi pukal. Kerajaan mengambil maklum kesan secara langsung penarikan subsidi pukal terutamanya ke atas kadar inflasi dan Indeks Harga Pengguna.

Namun, kerajaan sentiasa komited dalam memastikan kesejahteraan rakyat terjamin. Antara langkah dan usaha yang sedang dan telah dilaksanakan oleh kerajaan adalah seperti berikut:

- i. Bantuan Sumbangan Tunai Rahmah (STR);**
- ii. Sumbangan Asas Rahmah (SARA);**
- iii. Bantuan Awal Persekolah (BAP);**

Menyedari bahawa isu kos sara hidup ini merentasi bidang tugas banyak Kementerian dan agensi maka Kementerian ini diberikan mandat sebagai penyelaras perkara berkaitan kos sara hidup. Pun begitu, Kementerian sedar ini adalah tanggungjawab semua, yang memerlukan pendekatan *whole of nation approach*. Justeru, kementerian-kementerian lain terutamanya Kementerian Kluster perlu mengalas sama tanggungjawab untuk menangani isu kos sara hidup. Semua pihak perlu faham peranan masing-masing dalam konteks pelaksanaan program dan

inisiatif menangani kos sara hidup.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos sara hidup yang membelenggu rakyat pada ketika ini mempunyai cabaran yang melibatkan pelbagai dimensi dan memerlukan tindakan oleh semua pemegang taruh. Oleh yang demikian, Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (*National Action Council on Cost of Living - NACCOL*) bertindak sebagai platform nasional dalam merangka dasar, strategi dan pelan tindakan berkaitan agenda kos sara hidup yang digerakkan merentasi kementerian dan agensi serta melibatkan wakil kerajaan-kerajaan negeri, badan bukan kerajaan (NGO) dan industri.

Melalui NACCOL, kerajaan memastikan setiap penggubalan dasar dan program yang dilaksanakan melalui kementerian dan agensi akan memberikan pertimbangan terhadap elemen kos sara hidup. Faktor-faktor yang diambil kira dalam kos sara hidup adalah bergantung kepada faktor permintaan dan penawaran (*demand and supply*) dalam sistem ekonomi pasaran terbuka (*free market economy*), dan juga melaksanakan pemantauan terhadap faktor pasaran serta aktiviti sektor swasta/industri. Ini termasuklah kesan pengaruh besar iklim serta ekosistem pasaran global.

Selain penggubalan dasar dan program-program utama merentasi pelbagai kementerian, strategi dan pendekatan berbentuk intervensi dan mitigasi juga dilaksanakan dalam menangani pelbagai isu dan kesan berkaitan kos sara hidup termasuk menggalakkan penglibatan pelbagai pemegang taruh.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan amat prihatin terhadap situasi kos sara hidup yang dihadapi rakyat. Belanjawan 2024 telah memperuntukkan sebanyak RM58.1 billion untuk tujuan subsidi, insentif dan bantuan yang terkait dengan sara hidup rakyat. Inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan melalui peruntukan tersebut tidak termasuk yang telah dan akan dilaksanakan oleh pihak lain seperti badan korporat melalui CSR dan NGO, serta Kerajaan Negeri.

Antara inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Program Jualan Rahmah Madani dan Jualan Agro Madani**
- ii. Inisiatif FlySiswa dan Skim Harga Diskaun Tiket Musim Perayaan**
- iii. Program MyLesen (B2, PSV, E DAN GDL)**
- iv. Pas Bulanan Tanpa Had My50 dan**
- v. Skim Perubatan Madani**

Senarai inisiatif keseluruhan akan dipaparkan melalui Portal IHSAN MADANI yang akan dilancarkan pada 20 Mac 2024.

Tuan Yang di-Pertua,

Satu lagi strategi penting yang diberikan penekanan ialah penguatkuasaan yang merupakan elemen terpenting dalam memastikan para peniaga tidak menaikkan harga barangan dan perkhidmatan sewenang-wenangnya. Pelbagai OPS dilaksanakan seperti **OPS CATUT, OPS TERJAH, OPS TIRIS, OPS MENU, OPS PASAR dan OPS SAMAR** bagi memastikan bekalan sentiasa stabil dan mengekang elemen pencatutan di pasaran. Untuk makluman Yang Berhormat, KPDM juga telah memulakan **OPS KESAN** bagi memantau kesan pelaksanaan kenaikan kadar cukai jualan dan perkhidmatan (SST) daripada 6% kepada 8%.

Pada masa yang sama, Kerajaan akan meningkatkan penguatkuasaan dalam aspek mengekang gejala anti persaingan dalam pasaran. Ini elemen kartel dalam bentuk pakatan harga, pakatan pasaran, pakatan pengeluaran dan tipuan bidaan yang mempengaruhi harga barang dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LO SU FUI [TAWAU]

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

YB TUAN LO SU FUI [TAWAU] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jaminan Kementerian untuk memberikan projek perumahan rakyat PPR memandangkan Kerajaan negeri sedia menyediakan tanah bagi mengatasi masalah setinggan di Kg Sri Aman, Bt 4 Jalan Apas, Kg. Titingan, Sri Menanti dan lain-lain yang terdapat di Tawau sekaligus dapat menangani isu sosial yang melibatkan jenayah dan keselamatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Pelaksanaan projek PPR di Sabah setakat ini merupakan bilangan yang terbesar dengan jumlah keseluruhan sebanyak 39 buah projek Program Perumahan Rakyat (PPR) telah diluluskan oleh Kerajaan melibatkan sebanyak 26,299 unit rumah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 35 projek PPR yang telah siap dibina melibatkan sebanyak 24,009 unit rumah, tiga (3) projek dalam peringkat pembinaan melibatkan sebanyak 2,590 unit manakala satu (1) projek melibatkan sebanyak 200 unit dalam peringkat perancangan. Secara keseluruhannya, projek PPR yang telah siap di Sabah merupakan 21.3% daripada bilangan projek PPR yang telah dibina di seluruh negara.

Di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas RMKe-12, *Rolling Plan 3 (RP3)*, Kerajaan telah meluluskan pelaksanaan satu (1) projek PPR baharu di Kuala Penyu, Sabah. Skop projek ini adalah merekabentuk, membina dan menyiapkan 200 unit rumah pangsa *walk-up* berserta kemudahan asas seperti surau, kedai, gerai, taska, tadika dan dewan. Projek ini akan dilaksanakan secara tender terbuka dengan konsep Reka dan Bina.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa terbuka untuk menerima cadangan permohonan pelaksanaan PPR baharu daripada pihak Kerajaan Negeri. Justeru, merujuk kepada cadangan pelaksanaan PPR baharu di Tawau, permohonan tersebut hendaklah dikemukakan kepada KPKT melalui Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri hendaklah memastikan tapak yang dicadangkan bagi projek tersebut terletak di lokasi yang sesuai dan strategik, telah selesai semua urusan hak milik, sama ada diberikan secara percuma atau pada kadar nominal kepada KPKT, mempunyai keadaan fizikal yang baik serta bebas daripada sebarang bebanan tapak (*free of encumbrances*).

SOALAN NO: 52

Tertakluk kepada hasil penilaian tapak cadangan tersebut, KPKT akan mengemukakan permohonan pelaksanaan projek PPR baharu kepada Kementerian Ekonomi dan kelulusan pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada pertimbangan serta kedudukan kewangan Kerajaan.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN
MASDUKI [PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN MASDUKI [PARIT BUNTAR] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan tindakan-tindakan ke atas iklan-iklan yang tersebar di media sosial menyalahgunakan gambar tokoh-tokoh agamawan yang dihormati dan juga tokoh-tokoh politik yang kononnya terlibat dengan kegiatan pelaburan-pelaburan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Isu berkaitan kegiatan penipuan skim pelaburan, sama ada secara dalam talian atau luar talian, adalah di bawah bidang kuasa Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Sekuriti (SC) di bawah peruntukan sedia ada, antara lain seperti Kanun Keseksaan [Akta 574] dan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [Akta 1499].

Dalam hal ini, Kementerian Komunikasi melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) memberikan bantuan teknikal berhubung siasatan, pembekalan maklumat, analisis forensik digital serta pelaksanaan tindakan sekatan. Sebarang tindakan susulan seperti sekatan laman sesawang adalah berdasarkan permohonan rasmi daripada agensi-agensi penguatkuasaan yang berkaitan.

Selain itu, MCMC juga menjalinkan kerjasama dengan penyedia platform media sosial secara berterusan dalam usaha mengekang aktiviti di platform media sosial yang bercanggah dengan undang-undang. Dari 1 Januari 2023 sehingga 15 Februari 2024, Kementerian Komunikasi dan MCMC telah mengadakan 11 pertemuan dengan penyedia-penyedia platform media sosial bagi membincangkan berkenaan kawalan iklan pelaburan tidak wujud atau penipuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

YB TUAN PANG HOK LIONG [LABIS] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perancangan pihak Kementerian melaksanakan Program Perumahan Rakyat (PPR Dimiliki) di kawasan Tenang Stesyen Labis, Johor untuk memberi fokus dan manfaat kepada golongan B40 untuk memiliki rumah pertama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya, pada masa ini terdapat 21 projek Program Perumahan Rakyat (PPR) yang merangkumi sebanyak 15,325 unit rumah di Johor. Daripada jumlah berkenaan, 14 projek dengan 12,295 unit rumah telah siap dibina, lima (5) projek dengan 2,130 unit rumah masih dalam peringkat pembinaan dan dua (2) projek melibatkan 900 unit yang masih dalam peringkat perancangan.

Pada ketika ini, tiada projek PPR yang sedang dalam pelaksanaan di kawasan Parlimen Pontian. Walau bagaimanapun, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa bersedia mempertimbangkan sebarang cadangan pembangunan PPR baharu daripada kerajaan negeri. Cadangan tersebut akan diteliti oleh KPKT berdasarkan kepada keutamaan yang dicadang oleh kerajaan negeri, kesesuaian tapak dan keperluan golongan sasaran dari kalangan penduduk setempat. Namun, kelulusan bagi projek-projek ini adalah tertakluk kepada kedudukan dan keupayaan kewangan Kerajaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana hasrat Kerajaan untuk menggubal Akta Parlimen Berpenggal Tetap serta apakah perincian kepada akta tersebut.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Malaysia mempunyai penetapan tempoh Parlimen, iaitu lima (5) tahun seperti mana yang diperuntukan di bawah Perkara 55(3) Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, Perdana Menteri mempunyai budi bicara untuk meminta YDPA untuk memperkenankan pembubaran Parlimen sebelum penamatan tempoh lima (5) tahun, pada bila-bila masa untuk apa-apa alasan, sekiranya juga dipersetujui oleh YDPA.

2. Terdapat banyak negara yang mengamalkan parlimen berpenggal tetap dengan garis masa yang dipersetujui untuk pilihan raya demi menjamin kestabilan politik dan ekonomi serta untuk menghalang sebarang cubaan rampasan kuasa yang memudaratkan sistem demokrasi berparlimen negara. Parlimen berpenggal tetap juga boleh memastikan segala agenda reformasi dan polisi dapat dilaksanakan secara berterusan tanpa gangguan.

3. Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) masih dalam peringkat kajian terperinci (*in-depth study*) termasuk kajian impak (*impact study*) yang juga akan mengambil kira pandangan dan hasil sesi libat urus dengan pihak berkepentingan dan orang awam berkenaan pengenalan Akta Parlimen Berpenggal Tetap, di mana pendapatan kajian yang menyeluruh ini akan digunapakai bagi pertimbangan dasar oleh Jemaah Menteri kelak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : KAPTEN AZAHARI BIN HASAN
(PADANG RENGAS)**

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

Kapten Azahari bin Hasan [Padang Rengas] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membina gelanggang futsal, sepak takraw, bola jaring atau pusat sukan di Parlimen Padang Rengas bagi kemudahan belia-belie untuk menyertai aktiviti sukan dan riadah bagi melahirkan belia sihat dan komuniti yang bersatu padu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini Kementerian belum mempunyai perancangan khusus bagi membina kemudahan sukan baharu di Padang Rengas kerana keutamaan kerajaan adalah untuk membaik pulih fasiliti sedia ada di seluruh negara. Namun begitu, sebarang permohonan pembinaan infrastruktur sukan baharu tertakluk kepada Cadangan Penyediaan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan Tahun 2024 dan Garis Panduan Penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021–2025.

Garis panduan ini menetapkan syarat bahawa tapak/tanah perlu didaftarkan atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) dengan memperoleh pengesahan pihak Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG). Tapak tersebut perlu bebas bebanan dan sedia untuk

SOALAN NO : 56

dimasuki serta tiada isu seperti setingan, bantahan penduduk dan lokasi tidak sesuai. Selain itu, sebarang permohonan juga perlu mendapat kelulusan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sebelum diangkat ke KBS.

Berdasarkan rekod, pada masa ini terdapat lapan gelanggang sukan di dalam Parlimen Padang Rengas masing-masing di DUN Lubok Merbau dan Chenderoh yang boleh dimanfaatkan oleh penduduk setempat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN HONG PIN [BAKRI]

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

YB TUAN TAN HONG PIN [BAKRI] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilangan rumah mampu milik (RMM) yang telah disiapkan, dimulakan pembinaan dan dirancang dari tahun 2015 - 2023, dan berapa jumlah RMM yang akan disiapkan dan dimulakan pembinaannya pada tahun 2024. Apakah inisiatif Kementerian dan pendekatan untuk menstabilkan harga rumah pasaran bagi B40 dan M40.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, selaras dengan matlamat Dasar Perumahan Negara 2018 – 2025, adalah menjadi komitmen Kerajaan untuk menyediakan perumahan untuk semua rakyat (***shelter for all***) sama ada berbentuk pemilikan atau sewaan terutama perumahan di bawah kategori mampu milik.

Di bawah **Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11)** iaitu daripada tahun 2016 hingga 2020, sebanyak **282,259 unit Rumah Mampu Milik (RMM)** telah siap dibina oleh pelbagai agensi penyedia perumahan di peringkat kerajaan persekutuan, kerajaan negeri serta pemaju swasta bagi memenuhi keperluan isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana di seluruh negara. Di bawah **Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12)** yang meliputi tempoh 2021 sehingga 2025 pula, **sehingga 30 September 2023**, sebanyak **274,258 unit RMM** telah siap dibina dan dalam fasa pembinaan. Jumlah ini menyumbang kepada 54.8% daripada 500,000 unit RMM yang disasarkan bagi tempoh RMKe-12. Pada tahun 2024, tambahan 64,567 unit RMM disasarkan pembinaannya di seluruh negara.

Berdasarkan kajian oleh beberapa pihak dalam industri dan institusi penyelidikan, didapati bahawa harga rumah ini **dipengaruhi oleh pelbagai faktor** antaranya **lokasi rumah yang strategik, kos pembinaan rumah, kos infrastruktur, kos tanah, kos pematuhan (*compliance cost*) serta keuntungan pemaju**. Sebagai usaha untuk mengawal harga rumah, Kerajaan telah melaksanakan beberapa tindakan seperti berikut:

- i. di peringkat dasar, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah memperkenalkan **Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (DRMM)**. Melalui DRMM ini, Kerajaan

telah memperkenalkan dan menetapkan **siling harga RMM pada RM300,000**. Walau bagaimanapun, siling harga RMM ini turut **tertakluk kepada dasar perumahan di peringkat negeri**;

- ii. KPKT sedang melaksanakan **pemetaan harga RMM** berdasarkan pendapatan median mengikut negeri dan daerah yang diperolehi daripada tinjauan Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2022. Kaedah ini mengambil kira **median pendapatan rakyat mengikut lokaliti berdasarkan kaedah gandaan median (*median multiple*)**. Pemetaan ini bertujuan sebagai panduan kepada pemaju serta agensi penyedia perumahan bagi penetapan harga jualan rumah di satu-satu lokaliti;
- iii. Kerajaan juga menggalakkan pemaju untuk **melaksanakan Kajian Kebolehlaksanaan atau *Feasibility Study*** sebelum sesuatu pemajuan dilaksanakan bagi memastikan rumah yang dibina adalah berdasarkan kemampuan rakyat seterusnya mengelakkan rumah tersebut tidak terjual; dan
- iv. bagi inisiatif tempoh jangka masa panjang, KPKT sedang **membangunkan Sistem Analitis Data Raya (BDA) Perumahan** yang berperanan sebagai repositori dan sumber rujukan pelbagai pihak berkepentingan dalam sektor perumahan.

KPKT akan terus giat untuk melaksanakan pelbagai inisiatif demi memastikan rakyat mendapat akses terhadap perumahan yang berkualiti dan mampu dimiliki.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN
[HULU SELANGOR]**

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN [HULU SELANGOR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana tatakelola pewarisan dari generasi pertama peneroka kepada generasi kedua dan seterusnya bagi tanah FELDA yang berada di bawah Akta Tanah Persekutuan (GSA).

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

Tuan Yang di-Pertua,

Selepas berlakunya kematian peneroka, tanah peneroka FELDA tertakluk kepada urusan harta pusaka. Tanah peneroka FELDA ini akan melalui proses bicara kuasa untuk melantik pengganti peneroka / turun milik tanah peneroka kepada maksimum dua (2) orang warisnya yang sah dari segi undang-undang yang ditentukan oleh Unit Pusaka Kecil, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG). Jika waris melebihi dua (2) orang dan tiada muafakat atau penyerahan hak di kalangan mereka, maka Pentadbir Tanah boleh melantik maksimum dua (2) orang sebagai Pentadbir Bersama.

Urusan harta pusaka ini berpandukan kepada Akta Pembahagian Harta Pusaka Kecil 1955 atau Mahkamah Tinggi. Kategori yang berhak dan layak mewarisi harta pusaka tertakluk kepada Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 [Akta 530] dan undang-undang sedia ada. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
[GOMBAK]**

TARIKH : 13 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI [GOMBAK] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk membolehkan pentadbiran-pentadbiran negeri diberikan hak memulakan laluan bas sendiri seperti Bas Rapid Transit (BRT) bagi membantu mengurangkan kebergantungan rakyat kepada kereta persendirian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan akan menyokong penuh inisiatif pentadbiran-pentadbiran negeri bagi pelaksanaan BRT. Konsep BRT merupakan perkhidmatan bas yang mempunyai lorong khas dan melalui sebahagian jalan sedia ada. Sebarang inisiatif yang dapat memantapkan sistem pengangkutan awam dan mengurangkan kebergantungan kepada kenderaan persendirian adalah amat digalakkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI [JELUTONG]
TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [JELUTONG] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk mempromosikan Pelabuhan Pulau Pinang sebagai destinasi pelabuhan kapal-kapal pelancong.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Antara langkah-langkah yang telah dan akan dilaksanakan untuk mempromosikan Pelabuhan Pulau Pinang (*Swettenham Pier Cruise Terminal-SPCT*) sebagai destinasi pelabuhan kapal-kapal pelancong adalah seperti berikut:-

- a. Menaiktaraf serta membangunkan SPCT dan kawasan sekitarnya seperti pelaksanaan projek pelebaran dermaga di bawah pelan pembangunan Fasa 1 yang telah siap sepenuhnya pada bulan Mei 2021 yang menelan kos sebanyak RM100 juta. Projek pelebaran dermaga berkenaan membolehkan dua (2) buah kapal kelas Oasis berlabuh secara serentak di SPCT. Ini sekaligus mengurangkan masa menunggu kapal-kapal krus untuk berlabuh dan memberi keselesaan kepada penumpang. Selain itu, terdapat beberapa pelan pembangunan yang akan dilaksanakan oleh Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) demi memastikan SPCT setanding dengan pelabuhan krus antarabangsa. Dengan wujudnya projek penaiktarafan dan pembangunan di SPCT, ia sekaligus menarik minat pemain industri dan *cruise liners* untuk menjadikan SPCT sebagai salah satu terminal persinggahan;
- b. Mengkomersialkan kawasan sekitar SPCT yang terdiri daripada gudang, bangunan ibu pejabat lama dan bangunan *Penang Yatch Club (PYC)* sebagai pelengkap kepada operasi SPCT seterusnya menjadi daya tarikan pelancong memandangkan ianya berada tengah-tengah kawasan yang dikategorikan sebagai Bandar Warisan Dunia UNESCO;
- c. Mengenalpasti dan berurusan dengan *cruise liners* dan agensi yang berkepentingan terutamanya dari Italian Cruise Lines dan syarikat pelayaran krus lain yang berpotensi meningkatkan panggilan kapal krus ke SPCT. Pelbagai rebat atau insentif akan

NO. SOALAN: 60

ditawarkan bagi menjadikan SPCT sebagai destinasi persinggahan;

- d. Meningkatkan keterlihatan SPCT sebagai destinasi pelayaran utama melalui strategi Komunikasi Pemasaran Bersepadu (IMC) yang komprehensif;
- e. Meningkatkan pengendalian SPCT melalui pengenalan pelbagai inisiatif dan pelaksanaan pelan pembangunan serta memantapkan rangka kerja tadbir urus antaranya pematuhan kepada *environmental, social and governance* (ESG); dan
- f. Meningkatkan pemasaran melalui pelbagai *platform* antaranya mengambil bahagian dalam *exhibition* dan *conference* (tempatan/antarabangsa), mengadakan sesi '*open day*' dan memupuk hubungan erat dengan semua pihak berkepentingan bagi menjalankan pelbagai promosi serta memperkenalkan SPCT kepada khalayak umum.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS]**

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

YB TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan gerak kerja Jawatankuasa Khas Mengkaji Kompetensi DUN Untuk Menggubal Undang-Undang Islam yang telah ditubuhkan pada akhir tahun lepas.

JAWAPAN

YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana yang dimaklumi, Jawatankuasa Khas Mengkaji Isu Berkaitan Dengan Kompetensi Dewan Undangan Negeri (DUN) Untuk Menggubal Undang-Undang Islam telah pun ditubuhkan berdasarkan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwat Agama Islam Malaysia kali ke-70 (MKI) pada 28 Ogos 2023.
2. Anggota Jawatankuasa Khas ini terdiri daripada sebelas (11) orang anggota yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang luas dalam bidang undang-undang sivil, syariah dan Perlembagaan Persekutuan.

NO. SOALAN: 61

3. Watikah pelantikan telah diserahkan kepada Pengerusi dan semua anggota Jawatankuasa Khas pada 5 Disember 2023 dan mesyuarat pertama juga telah diadakan pada tarikh yang sama. Sejak penubuhannya, Jawatankuasa Khas ini telah mengadakan mesyuarat secara berkala sejumlah sepuluh (10) kali.

4. awatankuasa Khas ini sedang melaksanakan kajian mengenai isu konflik bidang kuasa antara Mahkamah Syariah dengan mahkamah sivil secara menyeluruh dan tidak hanya memberi fokus kepada isu kompetensi Dewan Undangan Negeri untuk menggubal undang-undang Islam sahaja. Jawatankuasa ini turut membuat penelitian kepada tafsiran yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan.

5. Ini bertujuan untuk memastikan kajian yang komprehensif dibuat dan semua isu berbangkit yang melibatkan konflik bidang kuasa antara mahkamah Syariah dengan mahkamah sivil juga diteliti dan dikaji dengan terperinci bagi memastikan syor, pandangan dan cadangan yang akan dibuat oleh Jawatankuasa Khas ini telah mengambil kira semua aspek yang berkaitan termasuklah perundangan Islam dan Hukum Syarak.

6. Saya percaya kajian yang sedang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Khas ini dapat membantu untuk mencari jalan penyelesaian yang terbaik dan harmoni bagi menyelesaikan isu-isu yang berbangkit berhubung dengan kompetensi Dewan Undangan Negeri untuk menggubal undang-undang Islam serta bidang kuasa Mahkamah Syariah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah butiran 1, Senarai II-Senarai Negeri, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.

7. Dalam hal ini, diharapkan semua pihak dapat memberi ruang kepada Jawatankuasa Khas ini untuk melaksanakan kajian mereka dan seterusnya mengesyorkan pandangan dan cadangan mereka. Harus difahami bahawa isu konflik bidang kuasa ini merupakan isu yang perlu ditangani dengan sebaik-baiknya kerana ia menyentuh bidang kuasa Negeri dan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH SALAMIAH BINTI
MOHD NOR [TEMERLOH]
TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

PUAN HAJAH SALAMIAH BINTI MOHD NOR [TEMERLOH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha, bimbingan dan nasihat yang telah dibuat terhadap DBKL yang telah meluluskan 1519 lesen arak yang dijual secara terbuka di seluruh Kuala Lumpur.

JAWAPAN

**YB DR ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertimbangan terhadap permohonan lesen minuman keras adalah tertakluk kepada pindaan Garis Panduan Lesen Minuman Keras (Runcit) yang dikuatkuasakan pada 20 Jun 2022. Garis panduan ini menetapkan beberapa syarat kelulusan penjualan minuman keras di kedai runcit, kedai serbaneka dan kedai ubat Cina seperti yang berikut:

- (i) Penjualan minuman keras bagi kategori runcit di Kuala Lumpur hanya dibenarkan di dua (2) zon perdagangan sahaja iaitu Zon Perdagangan Pusat Bandaraya Utama (CCC) dan juga Zon Perdagangan Utama (MC); dan
- (ii) Penjualan minuman keras di dalam premis perniagaan yang berhadapan dan / atau dalam lingkungan jarak 100 meter dari balai polis, rumah ibadat, sekolah, hospital dan kawasan kediaman adalah tidak dibenarkan sama sekali.

2. Permohonan lesen minuman keras di Kuala Lumpur dibuat melalui Mesyuarat Lembaga Pelesenan Eksais Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang diurusetikan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan turut dihadiri oleh wakil Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Polis Diraja Malaysia.

3. Lembaga Pelesenan ini akan memproses permohonan dan memberi pertimbangan kepada pengeluaran lesen minuman keras mengikut arahan-arahan selaras dengan perwakilan kuasa tertakluk kepada Peraturan 18, Peraturan-peraturan Eksais (Lembaga Pelesenan) 1977.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN LIM LIP ENG [KEPONG] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rasional Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) memeterai perjanjian dengan syarikat Alstom serta usaha sama IJM Construction Sdn Bhd dan Pestech Technology Sdn Bhd untuk projek penggantian Aerotren di KLIA; sedangkan MAHB pernah menamatkan kontrak Pestech Technology Sdn Bhd pada Ogos lalu, disebabkan Pestech tidak menunjukkan prestasi kerja memuaskan, menjejaskan pencapaian penting projek dan berisiko kelewatan dalam menyiapkan projek Aerotren pada tarikh akhir yang ditetapkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia Airports telah memeterai perjanjian dengan ALSTOM Transport Systems (Malaysia) Sdn Bhd (Alstom) dengan usahasama yang terdiri daripada IJM Construction Sdn Bhd dan Pestech Technology Sdn Bhd (IJMC-Pestech Joint Venture) pada 12 Januari 2024, untuk melaksanakan semula Projek Penggantian Aerotrains.
2. Di bawah perjanjian baharu ini, Alstom selaku Pengilang Peralatan Tulen (*Original Equipment Manufacturer*) akan bertindak sebagai Ketua Penyelaras Projek dan bertanggungjawab untuk memastikan operasi perkhidmatan tren dapat disambung semula bermula akhir tahun ini.
3. MAHB memutuskan untuk memeterai perjanjian dengan usahama tersebut mengambikira keperluan untuk mematuhi *fit-for-purpose* teknologi yang telah dipersetujui sebelum ini dan memastikan projek ini boleh memenuhi garis masa asal untuk operasi.
4. Penglibatan Alstom sebagai Ketua Penyelaras Projek baharu akan memberi jaminan dan komitmen terhadap pelaksanaan projek tersebut berdasarkan rekod prestasi cemerlang syarikat tersebut termasuk pemasangan *automated people mover installations* di lapangan terbang seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Los Angeles, Lapangan Terbang Antarabangsa Dubai, Lapangan Terbang Antarabangsa King Abdulaziz di Jeddah, dan Lapangan Terbang Munich.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : Y.B. IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN
KHIRUDIN [JERANTUT]**
TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN [JERANTUT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah sebenar pembayaran pencen kepada pesara penjawat awam yang terbabit pada tahun 2020 sehingga 2023 dan berapakah peratusan peruntukan pencen daripada keseluruhan perbelanjaan Kerajaan.

JAWAPAN**YB DR ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peningkatan tanggungan Kerajaan ke atas pembayaran pencen merangkumi pesara perkhidmatan awam, Ahli Parlimen dan Anggota Pentadbiran, Setiausaha Politik, dan Hakim dari tahun 2019 hingga tahun 2023 diperincikan dalam jadual yang berikut:

Tahun	Bilangan pesara dan penerima pencen terbitan (orang)	Jumlah pembayaran (RM)
2020	859,422	26.39 bilion
2021	878,441	28.04 bilion
2022	902,999	30.26 bilion
2023	931,707	32.01 bilion

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL
RAHMAN [LABUAN]**

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL RAHMAN [LABUAN] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah dasar yang digunapakai Kementerian untuk kenaikan pangkat dari seorang pegawai kepada Pengarah Negeri yang mempunyai rekod masalah moral dan integriti sehingga dikenakan tindakan berpindah 24 jam yang tidak boleh dijadikan ikon/idola belia khususnya di Labuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara dasarnya, kenaikan pangkat penjawat awam adalah berpandukan kepada Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian UP.3.1.1 Pengurusan Pemangku dan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam.

Dalam konteks penempatan pegawai, perkara tersebut tidak melibatkan urusan kenaikan pangkat sebaliknya adalah berdasarkan permohonan pertukaran penempatan di gred yang setara. Panel Pembangunan Sumber Manusia Gred 11 hingga 44 telah meluluskan permohonan pertukaran pegawai berpandukan MyPPSM Ceraian UP.2.2.1 Panduan Pertukaran Pegawai Awam dengan mengambil kira perkara seperti berikut:

SOALAN NO : 66

- (a) kekosongan jawatan Pegawai Belia dan Sukan Gred S44 di Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan Labuan susulan daripada urusan pusingan kerja;
- (b) berdasarkan rekod Kementerian, pegawai tidak pernah dikenakan sebarang tindakan tatatertib;
- (c) prestasi kerja pegawai adalah cemerlang berdasarkan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan di mana purata markah tiga (3) tahun terkini ialah 93.35%
- (d) faktor kebajikan pegawai dan selari dengan Dasar Keluarga Negara supaya kesejahteraan institusi keluarga sentiasa diutamakan di mana dalam konteks ini, pasangan pegawai berada di Labuan dan mempunyai masalah kesihatan;

Dengan pencerahan ini, urusan pertukaran pegawai ini ke Labuan adalah teratur dan selari dengan dasar serta peraturan semasa.

Saya juga ingin menarik perhatian dewan yang mulia ini bahawa, Peraturan 4(2)(h), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A)395/1993] berhubung larangan membawa pengaruh / tekanan luar dalam mempengaruhi urusan perkhidmatan pegawai, termasuk pertukaran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : KOMANDER NORDIN BIN AHMAD ISMAIL
TLDM (BERSARA) (LUMUT)**

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

KOMANDER NORDIN BIN AHMAD ISMAIL TLDM (BERSARA) [LUMUT] minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan mengenai perancangan Kementerian untuk menambah jumlah bilangan doktor pakar atau sub-specialist berkhidmat di Hospital Angkatan Tentera memandangkan berlaku kekurangan pakar perubatan yang kritikal di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi memastikan perkhidmatan kesihatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang diberikan adalah terbaik, Kementerian Pertahanan berhasrat untuk menambah bilangan pegawai perubatan pakar/subkepakaran dan pegawai perubatan Angkatan Tentera, di mana mereka akan dilatih dalam bidang-bidang kepakaran yang diperlukan.
2. Walau bagaimanapun, penambahan perjawatan pakar di dalam Perkhidmatan Kesihatan Angkatan Tentera (PKAT) adalah bergantung kepada kekosongan perjawatan sedia ada dan tertakluk kepada kelulusan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mewujudkan perjawatan tambahan baharu bagi menampung keperluan sumber manusia yang meningkat, sejajar dengan peningkatan pesakit dan keperluan rawatan.
3. Kementerian Pertahanan akan sentiasa memastikan perkhidmatan kesihatan ATM adalah pada tahap yang terbaik dan setara dengan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan sektor swasta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK DR. HAJI AHMAD MARZUK
BIN SHAARY [PENGKALAN CHEPA]**

TARIKH : 13 MAC 2024 (SELASA)

SOALAN

**DATUK DR. HAJI AHMAD MARZUK BIN SHAARY [PENGKALAN
CHEPA] minta PERDANA MENTERI menyatakan:**

- a) usaha Kerajaan dalam membendung gejala tidak bermoral amalan LGBT supaya tidak menular dalam negara kita melalui agensi agama Jabatan Perdana Menteri dan bersepadu yang melibatkan semua agensi khususnya kempen melalui media dan penyiaran; dan
- b) apakah Kerajaan mempunyai tekad politik dalam membendung jenayah ini melalui penguatkuasaan undang-undang yang lebih tegas dan berkesan.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagai sebuah negara yang berpegang kepada agama Islam sebagai agama Persekutuan yang menerapkan nilai-nilai moral berlandaskan adat, budaya dan agama dalam kalangan masyarakat, Kerajaan berpendirian tegas tidak mengiktiraf golongan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT).

2. Perlakuan LGBT adalah bertentangan dengan agama, moral dan budaya Malaysia. Bukan itu sahaja, malah perbuatan homoseksual adalah bertentangan dengan undang-undang negara. Bukan sahaja undang-undang jenayah Syariah, malah juga undang-undang Sivil. Di bawah Seksyen 377 Kanun Keseksaan, adalah menjadi satu kesalahan bagi mana-mana orang yang melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan fitrah.

3. Ia bermaksud, hak komuniti LGBT untuk mengamalkan gaya hidup mereka masih tertakluk kepada undang-undang yang tidak membenarkan perlakuan tersebut di Malaysia. Walaupun begitu, kerajaan tetap tidak mendiskriminasi mana-mana kumpulan, termasuklah LGBT, untuk menikmati hak asasi mereka seperti yang dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan seperti hak untuk pendidikan, hak untuk mengamalkan agama, dan hak untuk bekerja selaras dengan Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan.

4. Justeru itu, kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan Jawatankuasa Khas Berkenaan Isu Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) yang Beragama Islam di Malaysia. Jawatankuasa ini dianggotai oleh Kementerian, Jabatan, Agensi dan NGO yang akan menyelaraskan isu-isu LGBT yang berbangkit dalam kalangan umat Islam dalam aspek pendidikan dan advokasi, dakwah dan bimbingan serta penguatkuasaan. Setiap ahli

NO. SOALAN: 68

jawatankuasa berperanan dan melaksanakan fungsi mengikut bidang kuasa masing-masing. (Maklumat Tambahan disertakan berkaitan laporan yang telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa pada 11 April 2023).

5. Peruntukan undang-undang yang diperuntukkan mengenai kesalahan orang lelaki berlagak seperti perempuan atau perempuan berlagak seperti lelaki atau pondan sepertimana yang termaktub dalam undang-undang kesalahan jenayah syariah negeri-negeri menjelaskan bahawa Kerajaan memang bertekad untuk membendung jenayah ini melalui penguatkuasaan undang-undang.

6. Malah, JAKIM melalui Jawatankuasa Perundangan Islam Kebangsaan yang ditubuhkan di bawah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) telah menyemak semula peruntukan undang-undang berkaitan kesalahan orang lelaki berlagak seperti perempuan atau sebaliknya demi memastikan tindakan penguatkuasaan dapat dijalankan dengan berkesan.

7. JAKIM juga turut memberikan pandangan dan kerjasama dengan Jabatan Peguam Negara dalam usaha menambah baik peruntukan undang-undang syariah berkaitan dengan kesalahan yang dilakukan dalam media sosial.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WAN SAIFULDUDDIN BIN WAN JAN
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

DATUK WAN SAIFULRUDDIN BIN WAN JAN [TASEK GELUGOR] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apa justifikasi dan garis panduan yang diguna pakai apabila Kerajaan meminta platform-platform media sosial memadam sesuatu hantaran atau menyekat sesuatu akaun atau adakah keputusan dibuat hanya secara *ad hoc* sahaja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak penyedia platform media sosial mempunyai garis panduan tersendiri berkenaan kandungan yang tidak dibenarkan di platform mereka di mana pelanggaran kepada garis panduan tersebut akan mengakibatkan akaun pengguna disekat.

Secara amnya, contoh kandungan yang boleh mengakibatkan tindakan sekatan oleh penyedia platform media sosial adalah tingkah laku ganas dan aktiviti jenayah, ucapan benci, eksploitasi dan penderaan belia, eksploitasi seksual dan keganasan berasaskan jantina, eksploitasi manusia, buli dan gangguan, mencederakan diri sendiri dan lain-lain.

Penggunaan kandungan dalam talian di Malaysia juga tertakluk kepada undang-undang sedia ada. Oleh itu, apa yang salah di luar talian tetap salah di dalam talian. Bidang kuasa semua agensi penguatkuasa undang-undang meliputi aktiviti di dalam talian di mana amalan pengawalseliaan bersama dilaksanakan. Sekatan akses kepada laman-laman sesawang dilakukan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) melalui punca kuasa di bawah Seksyen 263 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588], dalam mencegah pelakuan atau pelakuan kesalahan di bawah peruntukan undang-undang yang berkenaan.

Sebagai pengawal selia industri komunikasi dan multimedia di negara, MCMC mengambil tindakan terhadap kandungan yang menyalahi Akta 588. Seksyen 233 Akta 588 memperuntukkan kesalahan bagi penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian, dan lain-lain, bagi membuat, mewujudkan, meminta-minta dan memulakan penghantaran kandungan yang lucah, sumbang, palsu, mengancam, dan jelik sifatnya dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiayai, mengugut atau mengganggu orang lain.

Dalam menangani isu penyalahgunaan termasuk jenayah yang berlaku di platform media sosial, tindakan penurunan kandungan

SOALAN NO: 69

dilaksanakan dengan kerjasama penyedia platform media sosial yang berkenaan. Dari tempoh 1 Januari 2023 sehingga 15 Februari 2024, MCMC dengan kerjasama penyedia platform media sosial seperti *TikTok*, *Facebook*, *Instagram*, *X*, *Youtube*, dan lain-lain telah menurunkan sejumlah 56,424 kandungan di atas pelanggaran piawaian komuniti yang ditetapkan oleh pihak penyedia platform serta kesalahan di bawah undang-undang negara.

Kandungan di platform media sosial amnya bersifat kekal, walau bagaimanapun, tindakan sekatan, penurunan dan pemadaman adalah tertakluk kepada terma dan syarat perkhidmatan serta piawaian komuniti yang ditetapkan oleh platform media sosial yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK DR. HAJI AHMAD MARZUK BIN
SHAARY [PENGKALAN CHEPA]**

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

YB DATUK DR. HAJI AHMAD MARZUK BIN SHAARY [PENGKALAN CHEPA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini berhubung keputusan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berhubung isu pengurusan dan operasi Lembaga Tabung Haji (LTH) dan bilakah tarikh muktamad untuk pendedahan kepada awam.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Selaras dengan tempoh pelantikan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) selama 6 bulan, pada 19 Julai 2022 Suruhanjaya telah berjaya menyelesaikan siasatannya dan kemudian laporan tersebut telah dipersembah kepada KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 30 Ogos 2022.
2. Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja kemudiannya telah dibentangkan kepada Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Disember 2022.

NO. SOALAN: 70

3. Selaras dengan arahan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Disember 2022, penelitian telah dibuat ke atas laporan dan syor-syor Suruhanjaya yang melibatkan beberapa agensi berkaitan iaitu Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Peguam Negara dan Jabatan Audit Negara, selain daripada Lembaga Tabung Haji sendiri.
4. Pada masa yang sama, LTH telah memulakan langkah-langkah pemulihan dan penambahbaikan terhadap pengurusan dan operasi LTH dengan mengambil kira syor-syor Suruhanjaya. Keputusan sama ada untuk mendedahkan laporan RCI kepada awam akan diputuskan oleh Jemaah Menteri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

YB TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah pihak Jabatan Perdana Menteri bagi memastikan Jawatankuasa Khas Mengkaji Kompetensi Dewan Undangan Negeri (DUN) Untuk Menggubal Undang-undang Islam (Jawatankuasa Khas) merancang bagi kepentingan undang-undang Syariah tidak tergugat kedudukannya di negeri-negeri di Malaysia.

JAWAPAN

YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana yang dimaklumi, Jawatankuasa Khas Mengkaji Isu Berkaitan Dengan Kompetensi Dewan Undangan Negeri (DUN) Untuk Menggubal Undang-Undang Islam telah pun ditubuhkan berdasarkan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwah Agama Islam Malaysia kali ke-70 (MKI) pada 28 Ogos 2023.
2. Anggota Jawatankuasa Khas ini terdiri daripada sebelas (11) orang anggota yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang luas dalam bidang undang-undang sivil, syariah dan Perlembagaan Persekutuan.

3. Watikah pelantikan telah diserahkan kepada Pengerusi dan semua anggota Jawatankuasa Khas pada 5 Disember 2023 dan mesyuarat pertama juga telah diadakan pada tarikh yang sama. Sejak penubuhannya, Jawatankuasa Khas ini telah mengadakan mesyuarat secara berkala sejumlah 10 kali.

4. Bagi memastikan kepentingan undang-undang Syariah tidak tergugat kedudukannya di negeri-negeri di Malaysia, Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah memberikan tanggungjawab kepada Jawatankuasa Khas ini untuk melaksanakan kajian mengenai isu konflik bidang kuasa antara Mahkamah Syariah dengan mahkamah sivil secara menyeluruh dan tidak hanya memberi fokus kepada isu kompetensi Dewan Undangan Negeri untuk menggubal undang-undang Islam sahaja.

5. Ini bertujuan untuk memastikan kajian yang komprehensif dibuat dan semua isu berbangkit yang melibatkan konflik bidang kuasa antara mahkamah Syariah dengan mahkamah sivil juga diteliti dan dikaji dengan terperinci bagi memastikan syor, pandangan dan cadangan yang akan dibuat oleh Jawatankuasa Khas ini telah mengambil kira semua aspek yang berkaitan termasuklah perundangan Islam dan Hukum Syarak demi memastikan kepentingan undang-undang Syariah tidak tergugat kedudukannya di negeri-negeri di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]**

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha yang telah diambil oleh Kerajaan dalam melaksanakan janji untuk mereformasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) agar institusi tersebut bebas bertindak tanpa campur tangan dan tekanan pihak eksekutif.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pemerkasaan SPRM dalam aspek berkaitan Pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM, peruntukan kewangan, jawatankuasa pemantau, penubuhan suruhanjaya perkhidmatan dan tenaga kerja telah digariskan menerusi inisiatif 5.3.2 Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 sebelum ini. Usaha ini masih berjalan secara berterusan.
2. SPRM juga dipantau oleh lima (5) badan bebas bagi membolehkan SPRM berfungsi secara telus dan profesional tanpa campur tangan dan dipengaruhi oleh mana-mana pihak.
3. Lima (5) badan bebas tersebut adalah seperti berikut:
 - 3.1 Jawatankuasa Khas mengenai Rasuah (JKMR)
 - 3.2 Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR)
 - 3.3 Jawatankuasa Aduan (JKA)
 - 3.4 Panel Penilaian Operasi (PPO)
 - 3.5 Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR)
4. Keanggotaan badan-badan pemantau bebas ini terdiri daripada pelbagai kelompok individu termasuklah ahli Parlimen, ahli akademik, mantan pegawai kanan tertinggi Kerajaan serta golongan profesional yang turut mewakili suara masyarakat.
5. Kelima-lima badan khas ini diwujudkan bertujuan untuk memastikan ketelusan dan akauntabiliti dalam keseluruhan perjalanan SPRM. Mekanisme ini akan dapat membantu memenuhi harapan masyarakat terhadap kebebasan, kecekapan, keberkesanan, ketelusan dan akauntabiliti Suruhanjaya dalam pelaksanaan kewajipan undang-undang yang telah ditetapkan tanpa tekanan mana-mana pihak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AHMAD FADHLI BIN
SHAARI [PASIR MAS]**
TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN HAJI AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa penjimatan yang dibuat oleh Kerajaan apabila Perdana Menteri menolak untuk menerima gaji sejak memegang jawatan tersebut pada November 2022.

JAWAPAN

**YB DR ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seurus pembentukan Kerajaan baharu, Kerajaan Perpaduan telah mengambil langkah-langkah awal penjimatan yang mana YAB Perdana Menteri sendiri telah mengumumkan untuk tidak mengambil gaji sebagai Perdana Menteri.
2. Dalam hal ini, sepanjang tempoh perkhidmatan YAB Perdana Menteri sejak dilantik pada November 2022, anggaran penjimatan perbelanjaan Kerajaan bagi peruntukan ke atas gaji pokok YAB Perdana Menteri adalah berjumlah RM22,826.65 sebulan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. TUAN WONG CHEN**
[SUBANG]
TARIKH : **13 MAC 2024 (RABU)**

SOALAN

TUAN WONG CHEN [SUBANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah kewangan yang dapat dijimatkan oleh Kerajaan dalam jangka masa 20 tahun ke depan apabila sistem pencen penjawat awam digantikan dengan pengambilan secara kontrak bagi lantikan baru.

JAWAPAN

**YB DR ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Lantikan Kontrak (Interim) merupakan langkah sementara ke arah memperkenalkan kaedah baharu lantikan tetap pegawai perkhidmatan awam. Tempoh Lantikan Kontrak (Interim) ini adalah tidak lebih daripada tiga (3) tahun sebelum pegawai dilantik secara tetap tanpa perlu melalui proses pengambilan semula.
2. Tanggungan faedah persaraan Kerajaan diunjurkan semakin meningkat setiap tahun. Pada tahun 2023, jumlah perbelanjaan faedah persaraan adalah sebanyak RM32.01 bilion dan dijangka akan mencecah sebanyak RM46.36 bilion pada tahun 2030 dan RM120 bilion menjelang 2040.
3. Sehubungan itu, bagi memastikan Kerajaan dapat menguruskan perbelanjaan kewangan negara dengan lebih mampan, satu kaedah baharu lantikan tetap sedang diteliti dan pelaksanaan kaedah baharu lantikan tetap tersebut dijangka akan dapat memberi penjimatan kepada Kerajaan daripada segi tanggungan pencen dalam tempoh jangka panjang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR [KEMAMAN]

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR [KEMAMAN] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan pendirian Kerajaan mengenai amalan '*horizontal shareholding*' atau '*common ownership*' yang dilakukan oleh pelabur-pelabur institusi termasuklah syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan (GLIC) dan sejauh manakah amalan ini akan menjejaskan kebajikan pengguna di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Amalan *common ownership* yang dipraktikkan oleh pelabur-pelabur institusi merujuk kepada situasi di mana sekumpulan atau seorang pelabur termasuklah syarikat berkaitan kerajaan (*Government Linked Companies* – GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (*Government Linked Investment Companies* – GLIC) memiliki saham atau kepentingan dalam pelbagai pemain industri dalam sektor atau pasaran yang sama atau berbeza. *Horizontal shareholding* pula merujuk kepada situasi di mana sekumpulan atau seorang pelabur memiliki saham atau kepentingan yang signifikan dalam beberapa perniagaan yang bersaing dalam industri atau produk yang sama. Antara kelebihan amalan ini adalah sebagai strategi para pelabur untuk melaksanakan *diversification*

atau mempelbagaikan portfolio, atau menggalakkan kecekapan serta sinergi antara syarikat-syarikat yang bersaing dalam suatu pasaran.

Dalam hal ini, Kerajaan berpandangan bahawa amalan *common ownership* dan *horizontal shareholding* ini tidak menimbulkan isu persaingan dengan penguatkuasaan undang-undang berkaitan anti-persaingan yang dilaksanakan dengan berkesan. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini MyCC tidak pernah menerima aduan berkaitan amalan ini. Sekiranya amalan ini telah menghasilkan entiti dominan atau monopoli dalam pasaran tertentu, maka perkara tersebut tidak melanggar Akta Persaingan 2010 (Akta 712). Ini selaras dengan Seksyen 10 di bawah akta ini yang menyatakan bahawa adalah tidak menjadi satu pelanggaran bagi mana-mana syarikat sekiranya syarikat tersebut menjadi syarikat dominan atau monopoli dalam sesebuah pasaran dan tidak mengambil peluang menyalahgunakan kedudukan dominan tersebut.

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman, pelanggaran terhadap seksyen yang dinyatakan tersebut hanya akan berlaku sekiranya syarikat dominan atau monopoli tersebut menyalahgunakan kedudukan dominan atau monopolinya di pasaran. Antara tindakan tersebut adalah termasuklah mengenakan harga bawah kos untuk menghapuskan pesaingnya, mengenakan syarat berbeza dalam transaksi yang sama untuk pelanggan-pelanggannya atau enggan untuk membekalkan perkhidmatan atau barangannya tanpa sebarang justifikasi komersil.

Oleh yang demikian, sekiranya pelanggaran Akta 712 didapati berlaku, ingin ditegaskan bahawa Kerajaan melalui MyCC tidak akan teragak-agak mengambil tindakan penguatkuasaan selaras dengan Akta 712. Ini selaras dengan komitmen Kerajaan untuk memupuk pasaran yang bersikap lebih cekap dan inovatif serta melindungi kepentingan para pengguna.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK IDRIS BIN AHMAD
[BAGAN SERAI]
TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

DATUK IDRIS BIN AHMAD [BAGAN SERAI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan impak pemansuhan skim pencen kepada kakitangan Kerajaan Negeri di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri yang pencen mereka dibayar di bawah tanggungan Persekutuan.

JAWAPAN

YB DR ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua pegawai awam sedia ada termasuk yang berkhidmat di peringkat Perkhidmatan Awam Negeri dan telah memilih opsyen tetap dan berpencen akan kekal menerima faedah persaraan sedia ada seperti mana yang telah diperuntukkan menerusi Akta Pencen 1980.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 13 MAC 2024 (RABU)

SOALAN

TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tentang status pelaksanaan kerja ke atas projek-projek LRT Pulau Pinang dan pembesaran Lapangan Antarabangsa Pulau Pinang serta sama ada kos telahpun naik kerana penurunan nilai mata wang ringgit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan melalui Kementerian Ekonomi telah meluluskan peruntukan sebanyak RM93 juta di bawah Rolling Plan 3 (RP3) Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) bagi tujuan kerja-kerja pengambilan tanah (bayaran pampasan dan penggantian kuarters Kerajaan) bagi membolehkan projek naik taraf LTAPP dilaksanakan. Buat masa ini, kerja-kerja pengambilan tanah sedang dilaksanakan dan dijangka akan selesai pada suku keempat tahun 2024.
2. Proses perolehan tender oleh MAHB bagi projek ini dijangka bermula pada suku pertama tahun 2024 dan pembinaan fizikal projek disasarkan bermula suku keempat tahun 2024, dengan jangka masa projek selama 48 bulan.
3. Projek ini akan dibiayai hampir keseluruhannya melalui inisiatif pembiayaan swasta yang dilaksanakan oleh MAHB. Model pembiayaan ini dapat meringankan beban Kerajaan serta menggalakkan penyertaan pihak swasta dalam projek pembangunan ekonomi negara.
4. Untuk makluman, terdapat tiga komponen utama dalam projek pembangunan ini iaitu i) Infrastruktur Awam dan Fasiliti Kerajaan; ii) Pengubahsuaian Terminal Utama; dan iii) Pembesaran Terminal Utama Baharu. Kos keseluruhan projek adalah tertakluk kepada proses perolehan tender dan akan diumumkan selepas tender selesai dilaksanakan.
5. Kos sebenar pelaksanaan projek akan dimuktamadkan bergantung kepada butiran-butiran teknikal yang masih dalam proses penelitian dan penilaian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO SERI DR. SHAHIDAN BIN KASIM
[ARAU]**

TARIKH : 13 MAC 2024 (SELASA)

SOALAN

Dato Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan garis panduan yang telah ditetapkan Kementerian kepada media massa dalam penyampaian berita dan apakah Kementerian sedar bahawa mengongkong kebebasan bersuara dan hanya membenarkan media massa melaporkan *feel good news* sahaja adalah satu perbuatan yang zalim.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan sentiasa menyokong prinsip kebebasan media serta menjamin hak kebebasan bersuara rakyat menurut Fasal 1(a), Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan. Namun demikian, kebebasan media hendaklah didokong dengan kod etika bagi memastikan ia tidak disalah guna oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Penerbitan Kod Etika Wartawan Malaysia bukanlah untuk menyekat kebebasan media dalam menjalankan tugas. Kod Etika Wartawan Malaysia yang dilancarkan pada 20 Februari 2024 bukanlah kod etika yang baharu tetapi merupakan penambahbaikan kepada Etika Kewartawanan Malaysia 1989 yang diterbitkan oleh Institut Akhbar Malaysia, yang kemudiannya dikenali sebagai *Malaysian Press Institute* (MPI).

Ini kerana tujuan utama Kod Etika ini adalah untuk dijadikan sebagai rujukan utama JaPen bagi pengurusan Kad Perakuan Media (KPM) supaya selari dengan perubahan industri media digital dan boleh dijadikan sebagai panduan bagi pemegang KPM.

Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) selaku media rasmi kerajaan tidak pernah dikongkong oleh mana-mana pihak dalam menyampaikan apa sahaja maklumat berkaitan kemajuan dan kemakmuran kepada segenap lapisan masyarakat. Justeru, tidak wujud istilah pelaporan *feel good news* semata-mata, malah RTM akan terus membuat liputan secara menyeluruh dan sentiasa mengamalkan konsep liputan berimbang serta bertanggungjawab selaras dengan ketetapan Kod Etika Penyiaran yang menjadi rujukan RTM.

Kod ini menggariskan keutamaan nilai berita dan memuatkan pandangan pro dan kontra semua pihak. Ia juga seiring dengan matlamat memberi kebebasan untuk penyiar berkarya dan berkreativiti namun, pada masa sama mematuhi etika serta memenuhi tanggungjawab sosial kepada masyarakat.

SOALAN NO: 78

Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) juga bertanggungjawab membendung penyebaran berita yang tidak benar dalam pelaporan berita. Ini dapat mengelakkan daripada berlakunya ketidakharmonian, ketakutan, panik dan kemarahan dalam kalangan masyarakat hingga boleh menjejaskan keselamatan dan ketenteraman negara.

Kementerian Komunikasi berpendirian bahawa setiap individu mempunyai kebebasan bersuara dalam berpolitik untuk menyatakan pendapat dan kritikan, namun haruslah sentiasa berpegang kepada peruntukan undang-undang dan tidak melanggar norma budaya masyarakat di negara ini. Kebebasan bersuara tidak membawa maksud seseorang individu boleh membuat tohmahan, fitnah, mengeluarkan kata-kata kesat atau kebencian terhadap institusi raja mahupun memperlekehkan agama atau berbaur perkauman.

Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) juga tidak mengehadkan kebebasan media selagi mana penggunaan media elektronik tidak melanggar peruntukan perundangan di bawah Akta tersebut, khususnya di bawah peruntukan seksyen 211 dan seksyen 233. Platform media sosial seperti *Facebook, Twitter, Instagram, TikTok, Youtube dan WhatsApp* menjadi trend dalam mengekspresikan idea dan kritikan khususnya berkaitan isu politik. Walau bagaimanapun, kebebasan bersuara yang diberikan perlu limitasi agar tidak menyentuh sensitiviti yang boleh menjejaskan keharmonian negara.

Sekian, terima kasih.